


Jilid 1
Bil. 86



Hari Khamis
12hb November, 1987

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14253]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 14304J]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 14304]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Berau).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.MJ., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN D.I.M.P. (Mentakab).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementenan Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULO AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M... D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
 TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 TUAN CHEW KAM HOY, A.H.K., J.P. (Padang Serai).
 TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
 TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 DR V. DAVID (Puchong).
 TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 TUAN HU SEPANG (Rasah).
 TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 ,, TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *allis* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,
 P.B.S. (Kapit).
 TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
 DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
 A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
 TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
 A.M.N. (Pontian).
 TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
 TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
 DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
 TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
 TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
 PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
 TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
 TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
 TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
 TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
 DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
 TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
 TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
 TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
 TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
 DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
 ..
 TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
 TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Gelugor).
 DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
 TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
 TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
 TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
 TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
 TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
 DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S- (Kota Tinggi).
 Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
 TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
 TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
 TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
 DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
 TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. Au (Kinabatangan).
 DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
 TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S (Johor Bahru).
 PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sutong).
 „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
 TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
 TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
 „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
 TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 DR TING CHEW PEH (Gopeng).
 TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
 Puteh).
 „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N
P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 12hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua Mem-
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat Tuan Mohamed bin Haji Isa.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya suka minta membetul, menambahkan perkataan di hujung ayat "Timur-Barat", tambah perkataan "Barat".

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

JALANRAYA KUALA KRAI KE
KOTA BHARU

1. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kerjaraya menjelaskan memandangkan kesesakan lalu lintas dari Kuala Krai ke Kota Bharu disebabkan jalan begitu sempit dan bengkok-bengkok, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang akan membina sebatang lebuh raya dari Kota Bharu ke Kuala Krai. Adakah Kerajaan bercadang untuk diadakan tol di jalan lebuh raya Kuala Krai/Gua Musang dan Lebuh raya Timur-Barat.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada cadangan untuk membina sebuah lebuh raya baru

daripada Kota Bharu ke Kuala Krai. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah kesesakan Lalulintas sekarang, Kerajaan sememangnya ada rancangan untuk memperelok dan melebarkan jalan raya yang sedia ada. Kajian kemungkinan dan kejuruteraan sedang dijalankan dan dijangka siap tidak lama lagi. Kerja-kerja memperelokkan jalan raya tersebut akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan kewangan negara.

Buat masa ini kerja-kerja menaikkan taraf 3 buah jambatan sempit di jalan raya tersebut sedang dilaksanakan, iaitu Jambatan Sungai Nal, Sungai Ijok dan Jambatan sungai Lubok Mulong Bunut Payong. Kerja-kerja di bahagian lain jalan raya itu akan dilaksanakan apabila kajian siap kelak.

Mengenai kutipan tol di jalan raya Kuala Krai-Gua Musang dan jalan raya Timur-Barat, suka saya nyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengenakan tol di jalan raya tersebut.

Tuan Hashim bin Saflin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pembikinan lebuh raya ataupun jalan raya di Kelantan sekerat-sekerat baik, kemudian tak baik, maksud saya, jalan daripada lebuh raya Timur Barat, kemudian daripada Krai ke Gua Musang, sedangkan jalan tadi daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu ataupun terus ke Timur, ke Barat melalui Tanah Merah ada yang

baik dan tak baik. Apakah Kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membina lebuh raya daripada Gua Musang ke Karak ataupun memperbaiki jalan yang berliku-liku dan agak buruk.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dengan keadaan manusia pun ada juga masa baik dan masa tidak baik (*Ketawa*) seperti itu jalan-jalan yang kita sedia ada sekarang ada juga mempunyai masalah sebahagian yang mana kita melihat ada juga banyak masalah kita akan memperbaiki. Walau bagaimanapun, jalan-jalan seperti apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ada masuk dalam rancangan-rancangan dan sebab itu jugalah Kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada \$16.7 juta untuk memperbaiki keadaan-keadaan jalan. Tetapi, walaupun kita ada memperuntukkan peruntukan seperti itu, keadaan kewangan pada masa sekarang tidak mengizinkan kita untuk membelanja semua peruntukan yang kita dapat daripada Kementehaan, sebab itulah kita dapat peruntukan itu berperingkat-peringkat. Jadi, peruntukan yang pertama pada tahun 1987, iaitu \$3.9 juta dan peruntukan kepada tahun 1988, iaitu \$2.5 juta. Jadi, apabila kita dapat kelulusan daripada Dewan yang mulia ini, kita akan mulakan kerja untuk peringkat yang kedua.

PASARAN KAYU-KAYAN

2. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah hasil kayu-kayan Malaysia masih dapat dipasarkan ke luar negeri, dan negeri-negeri manakah yang banyak sekali mengimport kayu-kayan dan negara kita, apakah kempen pasaran komoditi-komoditi kita yang berkesan dibuat oleh Kementerian tersebut dan

bagaimana pula pendapatan kita tentang pasaran kelapa sawit, getah, bijih timah dan koko dalam suasana ekonomi meleset ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, Pasaran kayu-kayan telah bertambah baik sejak bulan Mac, 1986 dan pada tahun itu juga kita telah mengeksport sebanyak \$4.78 ribu juta hasil kayu-kayan berbanding dengan \$4.35 ribu juta pada tahun sebelumnya kepada sekurang-kurangnya 22 buah negara.

Negara-negara yang banyak sekeh menimport barangan kayu dari Malaysia pada tahun 1986 boleh dibahagikan seperti berikut:

Kayu Balak—

Jepun	\$1.875 ribu juta
Korea Selatan	\$419 juta
Taiwan	\$373 juta

Kayu Gergaji—

Belanda	\$376 juta
Singapura	\$172 juta
Belgium	\$124 juta

Papan Lapis—

United Kingdom	\$102 juta
Singapura	\$101 juta
Hong Kong	\$ 26 juta

Veneer—

India	\$ 27 juta
Jepun	\$ 26 juta
Taiwan	\$ 6 juta

Kayu Kumai—

Australia	\$ 68 juta
United Kingdom	\$ 24 juta
Korea Selatan	\$ 21 juta

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi dasar-dasar perlindungan, dengan izin, 'protectionist policies' di kalangan

negara-negara pengimport, di samping memperoleh bidang pasaran yang lebih luas lagi barangan utama Malaysia melalui pengurangan dan penghapusan sekatan-sekatan bercorak tarif dan bukan tarif.

Buat masa sekarang kita sedang menjalankan kegiatan menentang kempen memburuk-burukkan minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat dan juga kempen menentang kayu-kayan tropika di Eropah. Ke arah ini dari semasa ke semasa, Kerajaan telah menghantar misi perdagangan dan teknikal ke luar negeri untuk memberi nasihat mengenai penggunaan barangan Malaysia dan kebaikan barangan tersebut dari segi harga pasaran.

Seperti Ahh-ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu Misi PORIM baru sahaja pulang dari membuat penjelasan dan penerangan mengenai minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat. Usaha juga sedang dibuat untuk menggalakkan penanaman modal tempatan di dalam industri-industri yang berasaskan sumber tempatan supaya dapat meningkatkan nilai tokok dan dengan itu meninggikan permintaan bagi barangan kita.

Mengenai pendapatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya memaklumkan bahawa pada tahun 1986, jumlah nilai eksport barangan utama ialah:

Getah	\$3,182.7 juta
Kelapa sawit	\$3,100.0 juta
Timah	\$ 649.6 juta
Koko	\$ 446.2 juta

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan jenis-jenis kayu balak yang dieksport ke negara-negara Eropah dan Jepun dan

sebagainya. Apakah jenis balak-balak tersebut dan bagaimana pula dengan eksport kayu getah?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak berikan jenis-jenis kayu balak yang dibenarkan dieksport agak memakan masa yang panjang dan saya akan menghubungi Ahli Yang Berhormat itu melalui surat kemudian nanti.

Mengenai usaha-usaha mengeksport kayu getah, saya suka memaklumkan bahawa terdapat permintaan yang bertambah daripada Amerika Syarikat dan juga negeri Jepun dan Taiwan untuk mendapatkan kayu getah daripada Malaysia. Dan saya sukacita memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kementerian sekarang ini bersama-sama dengan RISDA yang terlibat dalam usaha menanam semula getah sentiasa mengadakan usaha-usaha dan mencari teknologi-teknologi yang baru untuk menggalakkan pengeksportan kayu-kayu getah baik dalam bentuk bahan mentah ataupun barang-barang yang sudah siap.

Saya sendiri menganggap bahawa kemungkinan ataupun potensi eksport kayu getah pada masa akan datang amatlah besar dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan para pekebun kecil supaya menjaga batang-batang getah mereka supaya jangan rosak pada ketika ditoreh untuk membolehkan kayu-kayu itu diproses dan dieksport ke luar negeri dalam bentuk yang lebih baik pada masa yang akan datang.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan tentang Misi PORIM ke luar negeri dan hal ini selalu ditanya dalam Parlimen mi dan ini adalah satu peluang yang baik untuk kita mengetahui tentang hasil Misi PORIM ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telahpun membuat penjelasan kepada akhir dua hari yang lepas mengenai hasil rombongan PORIM ke Amerika Syarikat itu.

Pada umumnya, rombongan PORIM itu telah mencapai suatu hasil yang menggalakkan dan bahawa hasil daripada seminar-seminar yang diadakan di dalam beberapa buah kotaraya di Amenka Syarikat telah berjaya memberi kesedaran baru kepada beberapa pertubuhan yang selama ini meragu-ragukan mutu minyak sawit kita dari segi kesihatan manusia dan setengah-setengah daripada pertubuhan-pertubuhan yang dahulunya menentang minyak sawit ini telah bersama-sama dengan ASA dalam kempen menentang minyak sawit ini, telah berjanji untuk melihat semula sikap mereka dan membuat analisa baru dari segi kesan makanan minyak sawit ini kepada kesihatan manusia. Ini adalah suatu perkembangan yang cukup menarik dan Kementerian berharap melalui usaha-usaha lanjutan yang diadakan di Amenka Syarikat, seperti misalnya dengan membuat kajian di dalam 5 buah universiti yang dicadangkan di Amerika Syarikat, maka sebarang kesangsian mengenai minyak sawit ini akan dapat dikikis pada satu ketika kelak.

Tuan Yang di-Pertua, minat orang ramai untuk mengetahui tentang kesan kempen ASA terhadap minyak sawit ini memang meluas sekali dan pihak Kementerian sedar tentang perkara ini dan akan memberi maklumat-maklumat kepada orang ramai dari semasa ke semasa mengenai usaha-usaha yang sedang kita jalankan untuk mengikis anggapan-anggapan buruk yang dijalankan oleh pihak ASA.

Satu perkara yang perlu saya jelaskan di sini bahawa pihak

Pentadbiran Amerika Syarikat sendiri telah mengambil sikap tidak menyokong kempen yang dijalankan oleh pihak ASA dan ternyata jelas bahawa pihak ASA telah gagal untuk mendapatkan kelulusan satu legislation dengan izin, untuk melabelkan minyak sawit sebagai minyak tepu hasil daripada penolakan Jawatankuasa Kongres mengenai perkara ini tidak lama dahulu.

KAWASAN LATIHAN ASKAR KEM PARADISE, SABAH

3. Tuan Maidon bin Pansai minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan boleh mempertimbangkan rayuan para penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan Latihan Askar di Kem Paradise Kota Belud, Sabah untuk membolehkan mereka menjalankan kegiatan bercucuk tanam dalam kawasan latihan Askar tersebut. Ini adalah oleh kerana sungguhpun kawasan pertanian dan perkampungan mereka yang telah terlibat dalam kawasan latihan askar telah dibayar pampasan tapi wang bayaran yang mereka perolehi itu tidak akan dapat menampung kecukupan keperluan makanan mereka dari tahun ke tahun. Begitu juga dengan kawasan penempatan (resettlement) yang telah diberikan kepada keluarga yang terlibat yang mana keadaannya adalah cukup mendukacitakan disebabkan keadaan tanahnya yang hanya di tumbuh oleh rumput lalang saja serta membuat kawasan itu dalam keadaan yang begitu terdedah kepada bahaya api pada musim kemarau. Ianya sama sekali tidak sesuai untuk tujuan perusahaan pertanian. Dengan demikian para penduduk berkenaan adalah amat memerlukan kawasan untuk menjalankan kegiatan pertanian bagi menampung keperluan hidup keluarga yang terus berkembang dari masa ke semasa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun digezetkan di bawah Akta Manuver Tentera 1983 dan Kementerian Pertahanan masih memerlukannya untuk latihan unit-unit Tentera Darat. Jika kelonggaran diberi, ini akan mendatangkan bahaya kepada orang ramai dan harta benda mereka.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sedar bahawa meskipun terdapat larangan yang begitu keras daripada pihak tentera dewasa ini tetapi terdapat juga beberapa orang yang masih menjalankan kegiatan pertanian di kawasan itu memandangkan tiada lagi kawasan lain di mana mereka boleh jadikan tempat bergantung hidup, dengan pendirian yang selalu bersedia untuk menerima apa juga hukuman walaupun disumbat ke lubang penjara sekalipun daripada menderita tanpa makanan. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan dan kalau ya, apakah jenis atau bentuk tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang terpaksa bercucuk tanam di situ kerana menyahut seruan demi untuk hidup.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kementerian Pertahanan mengambil alih tanah yang diwartakan di bawah Akta Manuver Tentera 1983, Kementerian Pertahanan telah mengadakan beberapa kali perbincangan yang terperinci dengan Kerajaan Negeri Sabah ketika itu. Dan oleh kerana daripada hasil perjanjian di antara Kementerian Pertahanan dengan Kerajaan Negeri, maka Kementerian

Pertahanan memperolehi kawasan-kawasan tersebut yang saya sebutkan awal tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed.

(Soalan No. 4 Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed tidak hadir).

AKTA KESATUAN SEKERJA 1959

5. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Buruh menyatakan sebab-sebab mengapa pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan rancangannya bagi meminda akta kesatuan sekerja dalaman walaupun telah mendapat bantahan dari kesatuan-kesatuan sekerja dan majoriti pekerja-pekerja.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dimaksudkan oleh Ahli yang Berhormat itu ialah Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan bukan "Akta Kesatuan Sekerja Dalaman."

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh sedang menjalankan kajian yang menyeluruh ke atas semua undang-undang buruh di bawah pentadbirannya. Oleh yang demikian, keputusan sama ada pindaan akan dibuat kepada Akta Kesatuan Sekerja 1959 hanya akan dibuat setelah selesainya kajian tersebut,

Saya ingin menjelaskan bahawa sebarang pindaan kepada undang-undang buruh yang akan dibuat nanti akan mengambil kira kepentingan negara. Dalam hubungan ini adalah menjadi amalan Kementerian Buruh mendapatkan pandangan-pandangan kesemua pihak, termasuk pihak majikan dan pekerja, selaras dengan prinsip tripartisma sebelum mengemukakan apa-apa cadangan

untuk meminda undang-undang tersebut untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini.

PENGEDARAN DADAH— MERAMPAS HARTA BENDA

6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan benarkah undang-undang rampas harta benda pengedar dadah akan dijalankan. Jika ya, bagaimanakah had banyak sedikitnya libatan pengedar dadah yang dikenakan rampas harta benda. Jika demikian apakah yang difikirkan oleh Kerajaan bagi anak isteri, keluarga yang kena rampas harta bendanya, dan adakah ini satu usaha yang sebaik-baiknya bagi mengatasi masalah-masalah kekotoran dadah dalam negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, memang benar kerajaan akan mengadakan satu undang-undang yang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk merampas harta benda pengedar-pengedar dadah yang diperolehi daripada aktiviti yang berkaitan dengan pengedaran dadah.

Draf undang-undang ini sedang diteliti oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara serta agensi-agensi pelaksana yang lain. Apabila kajian ini selesai, rang undang-undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen untuk diluluskan.

Bagi makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak akan menetapkan banyak atau sedikitnya ataupun besar atau kecilnya penglibatan seseorang pengedar itu di dalam aktiviti pengedaran dadah bagi membolehkan harta bendanya dirampas di bawah undang-undang yang akan diadakan kelak. Kerajaan akan memastikan hanya harta benda yang diperolehi oleh seseorang pengedar hasil

daripada keuntungan yang diperolehinya di dalam apa jua aktiviti yang berkaitan dengan pengedaran dadah sahaja yang akan dirampas. Lain-lain harta benda yang tidak ada kaitan dengan apa jua aktiviti pengedaran dadah tidak akan dirampas.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa tindakan merampas harta benda ini mungkin akan mendatangkan kesulitan kepada ahli keluarga pengedar berkenaan. Bagaimanapun kita harus sedar dan ingat bahawa Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia mesti berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menghapuskan kegiatan pengedaran dadah kerana pengedar-pengedar dadah ini boleh dianggap sebagai peniaga maut atau "merchant of death", dengan izin. Berbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk membanteras kegiatan ini termasuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah dibuat dan dikuatkuasakan mulai tahun 1983 dengan mengadakan peruntukan hukuman mati mandatori. Bagaimanapun aktiviti pengedaran dadah masih lagi berleluasa di negara ini. Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat adalah perlu diadakan satu undang-undang yang lebih keras supaya aktiviti pengedaran dadah dapat dihapuskan sampai ke akar umbinya. Kerajaan berkeyakinan bahawa undang-undang baru ini nanti akan menjadi "deterrent factor", dengan izin, yang lebih berkesan di dalam usaha menghapuskan kegiatan pengedaran dadah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa sebelum memperkenalkan dan meluluskan satu rang undang-undang yang begitu keras dan ketat seperti satu rang undang-undang untuk merampas harta benda

pengedar dadah, Kerajaan haruslah berunding dan mendapat pandangan-pandangan dari berbagai-bagai badan seperti Majlis Peguam dan juga badan-badan yang lain yang ada mengambil minat dalam perkara ini untuk memastikan bahawa Rang Undang-undang seperti ini akan mengandungi peruntukan-peruntukan yang adil supaya tidak berlaku apa juga penyalahgunaan kuasa. Dan jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dalam hal ini, saya ingin mendapat tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk mencapai objektif ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masih ingat semasa Parlimen ini meminda Akta Dadah Berbahaya 1952, kita telah mengadakan perbincangan di seluruh negara yang mana Yang Berhormat sendiri pun menjadi salah seorang daripada ahli panel. Dan kita dapati bahawa dalam meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana hukuman mati mandatori telahpun diadakan rakyat menyambut baik dan pindaan itu telahpun diluluskan.

Kalau kita lihat hukuman mati mandatori dengan merampas harta jauh sangat perbezaannya. Kalau rakyat dan Ahli-ahli Parlimen boleh menyetujui mati sebagai mandatori, apalah sangat merampas harta untuk kebaikan negara seluruhnya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama sekali saya ucap tahniah kepada pihak Yang Berhormat kerana usaha-usaha untuk mengadakan Akta yang berkenaan. Oleh kerana perniagaan dadah ini adalah perniagaan mati, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat bercadang untuk memikirkan menambahkan dalam Akta tersebut supaya harta-harta yang dirampas ini dimasukkan di bawah tabung perniagaan hidup

iaitu penagih-penagih dadah yang keluar daripada pusat-pusat pemulihan ini untuk menggunakan tabung ini untuk meneruskan mereka hidup. Jadi ini adalah lebih adil, harta ini dirampas dan dimasukkan kepada tabung yang berkenaan. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk memasukkan bersama-sama undang-undang tersebut bahawa harta yang dirampas ini dimasukkan kepada tabung yang berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini, cadangan itu belum dimasukkan di dalam cadangan kita. Bagaimanapun kalau Yang Berhormat dari Arau merasakan ini perlu, bolehlah disuarakan dengan terus terang apabila Rang Undang-undang ini dibentangkan kelak di Parlimen.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa Kerajaan akan membawa suatu Akta untuk merampaskan harta-harta pengedar-pengedar dadah negara ini. Saya ingin bertanya, adakah harta-harta yang dimiliki oleh pengedar-pengedar ini di dalam negeri sahaja ataupun di luar negeri? Kalau di luar negeri, bagaimana cara Kerajaan mengesan harta-harta mereka itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tasek Cenderuh. Pihak Kerajaan setelah Akta ini diluluskan, akan mengambil kira walau di mana sahaja harta yang disimpan oleh pengedar-pengedar ini yang dapat kita selidiki walau di dalam ataupun di luar negeri.

FILEM BERUNSUR NEGATIF

7. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Menteri

Penerangan menyatakan adakah Menteri bercadang untuk mengurangkan menayang filem-filem yang berunsur negatif yang boleh memberi kesan yang buruk kepada kanak-kanak memandangkan hari ini sudah ramai kanak-kanak yang rosak akhlakunya kerana terikut-ikut dengan sikap yang mereka terima dari filem-filem tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan maksud Yang Berhormat berkaitan dengan filem-filem berunsur negatif. Jika apa yang dimaksudkan oleh beliau adalah adegan-adegan keganasan dan adegan-adegan lucu, ini telah pun diambil tindakan oleh Kementerian Penerangan di mana sebarang filem yang masuk ke dalam negara ini akan ditapis oleh Lembaga Penapis Filem Negara dan akan ditapis sekali lagi oleh RTM berpandukan kepada garis-garis panduan penapisan RTM supaya unsur-unsur yang negatif tersebut tidak didedahkan kepada kanak-kanak.

Selain daripada itu, Kementerian ini juga akan menentukan supaya bahan-bahan yang disiarkan melalui televisyen baik melalui RTM atau TV3 akan dikawal setelah Menteri Penerangan diberi kuasa di bawah Akta Penyiaran baru yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, terutamanya dari segi mengawal:

- (i) bahan-bahan siaran yang dikeluarkan oleh badan-badan swasta dalam negeri; dan
- (ii) bahan-bahan siaran yang diimport.

Hasil dari ketelitian dan penapisan yang ketat ini unsur-unsur negatif tersebut, insya Allah, dapat dikurangkan ke tahap yang amat minima ataupun dihapuskan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Selain daripada filem-filem yang unsur adegan lucu ataupun keganasan yang disebut tadi, di sini saya ingin bertanya berhubung dengan iklan-iklan pula. Yang boleh kita lihat sekarang ini dipaparkan di kaca TV berhubung dengan wanita-wanita yang ditunjukkan bentuk badan dengan pakaian "bikini" dan sebagainya dan juga menjatuhkan maruah kaum wanita yang ditunjukkan ini. Adakah cara-cara ini juga diambil kira oleh pihak Kementerian untuk mengurangkannya? Dan di samping itu juga, saya hendak bertanya juga apa sebabnya tiap-tiap rancangan sama ada filem ataupun tayangan gambar boleh dikatakan kadangkala sampai 20 iklan sekali disiarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu soalan lain, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya rasa ada sangkutan dengan iklan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar hari ini ada beberapa iklan yang dirasai tidak selaras dan kurang sesuai dengan kehendak-kehendak sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat baru sekejap tadi. Tetapi walau bagaimanapun, hal ini insya Allah akan dapat diselesaikan apabila garis panduan umum yang mencukupi juga tentang iklan-iklan ini akan diselesaikan oleh sebuah jawatankuasa yang melihat perkara tersebut.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hari ini nampaknya filem-filem yang berunsur agama begitu kekurangan. Adakah pihak Kementerian ini bertujuan untuk memperbanyakkan filem-filem yang berunsur agama? Yang kedua, adakah

menjadi satu kesukaran kepada pihak Kementerian untuk mendapatkan filem-filem yang berunsur agama itu?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dari segi perbandingan filem-filem berunsur agama yang ditayangkan dalam rancangan-rancangan ataupun program-program televisyen sekarang ini dengan beberapa tahun yang lepas maka ternyata bahawa di akhir-akhir ini filem-filem berunsur agama itu meningkat kalau hendak dibandingkan dengan yang lepas-lepas. Dan lebih-lebih lagi filem-filem yang berkenaan kita sudah dapat membawa filem itu dari negara-negara Islam daripada Timur Tengah dan sebagainya. Di samping itu, filem-filem kita yang bercorak drama dan sebagainya, juga kita selitkan nilai-nilai yang dapat menjadikan panduan sebagaimana yang dikehendaki oleh agama kita.

Berhubung dengan sama ada sukar ataupun tidak sukar, memang kalau hendak dibandingkan dengan filem-filem yang lain, filem agama ini agak sukar sedikit, Tetapi walau bagaimanapun, dalam perbincangan dan pertemuan dengan pengimport-pengimport filem, kita sudah meminta kepada mereka supaya mereka memperbanyakkan filem-filem agama ini kerana bermula dari sekarang, kita berusaha untuk hendak menjadikan hari Jumaat sebagai satu hari di mana dapat menggambarkan roh Jumaat itu melalui program-program televisyen kita.

BEKALAN AIR DI ESTET-ESTET

8. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekalan air dan keadaan sanitari di 80% estet-estet di dalam negara ini adalah sangat memmeranjatkan sejak berpuluh-puluh tahun. Jika ya, apakah sebab-sebab berlaku keadaan yang sungguh

menyedihkan ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya bagi memulihkan keadaan dan mengapakah langkah-langkah ini tidak diambil terlebih dahulu lagi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban); Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan air dan kebersihan alam sekeliling di estet-estet telah diberi perhatian oleh Kementerian Buruh dan Kementerian Kesihatan sejak beberapa tahun ini, khasnya selepas Akta Perumahan Pekerja (Piawaian Minima) 1966 diamalkan. Banyak kemajuan telah pun dicapai, khasnya dalam pembinaan rumah-rumah pekerja yang baru dengan kemudahan bekalan air dan tandas-tandas moden.

Tetapi masalah bekalan air ke estet-estet masih wujud kerana perbelanjaan yang tinggi untuk menyambung bekalan air dari saluran JKR dan di setengah-setengah tempat tidak ada kemungkinan penyambungan kepada saluran paip JKR. Di estet-estet kecil atau estet-estet yang telah dibahagikan atau difragmented, dengan izin, masalah ini adalah ketara. Dalam keadaan ini, estet-estet terpaksa bergantung kepada bekalan air dari punca-punca air di kawasan estet-estet mereka sendiri.

Satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa mutu air yang dibekalkan di estet-estet yang mempunyai punca-punca air sendiri adalah tidak memuaskan.

Kementerian Kesihatan sedang membincang dengan pihak Kementerian Buruh dan United Planting Association of Malaysia untuk mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi mengatasi masalah ini.

Kementerian Kesihatan mencadang supaya estet-estet yang besar

melaksanakan satu rancangan hma tahun untuk membaiki keadaan kebersihan alam sekeliling dan bekalan air. Bagi estet-estet kecil, Kementerian sedia membantu mereka dengan memberi garis panduan rekabentuk untuk sistem bekalan air kos rendah. Di estet-estet yang telah dibahagikan (difragmented), Kementerian Kesihatan akan memberi bantuan untuk pembinaan sistem-sistem bekalan air dan tandas yang sempurna di kawasan-kawasan tersebut di bawah Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling Luar Bandar yang dijalankan oleh Kementerian.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kemudahan asas di estet, kita sedia maklum bahawa kemudahan asas itu dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek kualiti dan aspek kuantiti. Jadi, estet-estet bukan sahaja menghadapi masalah kuantiti iaitu kekurangan kemudahan asas, tetapi mutu kemudahan asas itu juga tidak memuaskan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyedari hakikat ini dan apakah rancangan untuk mempertingkatkan mutu kemudahan asas itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, itu terkeluar daripada soalan asal. Soalan asal adalah mengenai air dan keadaan sanitari.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN—PEMBINAAN

9. Tuan Haji Mohamad Sam bin Haji Sailan minta Menteri Kerjaraya menerangkan dasar Kementerian dalam memberikan keutamaan bagi pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan:

- (a) adakah beliau bersetuju bahawa bahagian lebuhraya Air Hitam-Johor Bahru memenuhi syarat untuk diberikan keutamaan pembinaannya; dan

- (b) bilakah Kerajaan bercadang untuk memulakan projek ini dan berapakah anggaran kosnya.

Dato' S. Samy Yellu: Tuan Yang di-Perlu, di dalam pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, Kerajaan sememangnya memben keutamaan kepada semua bahagian Lebuhraya itu dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Walau bagaimanapun, oleh kerana Kerajaan tidak dapat melaksanakan keseluruhannya secara sekaligus, maka Kerajaan mengambil kira beberapa aspek seperti ekonomi, sosial dan teknikal dalam pembinaan bahagian-bahagian Lebuhraya yang telah dan sedang dilaksanakan. Dari segi ekonomi, Kerajaan bukan sahaja memandang dari jumlah kutipan Tol yang diperolehi tetapi juga lebih penting adalah untuk meningkat kegiatan ekonomi dan sosial penduduk-penduduk di kawasan-kawasan terlibat.

Dari segi teknikal pula, Kerajaan lebih memberi keutamaan kepada pembinaan bahagian-bahagian lebuhraya yang tidak mempunyai rekabentuk yang rumit seperti melalui kawasan-kawasan berbukit dan berpaya. Walau bagaimanapun, sekiranya ditinjau dari aspek-aspek lain ianya patut diberi keutamaan, pembinaan akan diteruskan juga.

Mengenai soalan (a), sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bahagian Air Hitam/Johor Bahru adalah di antara bahagian yang diberi keutamaan tetapi oleh kerana keadaan kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak begitu menggalakkan, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan. Dalam penswastaan ini keutamaan pembinaan bahagian-bahagian lebuhraya akan dikaji.

Mengenai soalan (b), kos bahagian Lebuhraya Air Hitam/Johor Bahru

adalah dianggarkan berjumlah \$404 juta dan akan siap dilaksanakan oleh syarikat yang mendapat tawaran penswastaan lebuhraya Utara-Selatan dalam tempoh masa 5 tahun, jikalau Tuhan memberi izin. (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah, dengan tizin, contingency plan yang mungkin dikaji oleh pihak Kerajaan? Adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk membatalkan projek North-South Highway ini ataupun mengambil tender terbuka ataupun memberi tender ini kepada syarikat swasta lain jikalau ataupun selepas pihak UEM kalah dalam kes mahkamah ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Sim Kwang Yang: dan Jelutong. Apakah tindakan-tindakan akan Kerajaan ambil, mungkin ini satu. . . . (*Disampuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kenapa bila saya membangkitkan soalan tambahan, ada gangguan?

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau duduk!

Tuan Sim Kwang Yang: Duduk, terima kasih. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang mempunyai baju yang cantik ini menjawabnya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Menteri tidak payah jawab di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (2).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 36 (2)?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, tidak payah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa sebab, Yang Berhormat?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian soalan itu saya akan menjawab, sebahagian soalan. Bahagian yang pertama iaitu berkenaan dengan 'contingency plan' berkenaan dengan jalan raya, saya percaya perkara-perkara berkenaan dengan Lebuhraya Utara-Selatan masih dalam mahkamah dan saya tidak boleh menjawab atau tidak boleh memberi apa-apa pandangan mengikut dengan undang-undang yang sedia ada, tetapi insya Allah, saya percaya masa akan datang, kalau kita menang atau tidak menang, Kerajaan mesti menjalankan projek-projek mengikut dengan keadaan yang sedia ada, mengikut dengan keadaan kewangan, oleh kerana projek ini ialah untuk memberi lebih kemudahan kepada rakyat jelata. Jadi pada masa sekarang kita telah siapkan berapa bahagian dan bahagian-bahagian yang belum diselesaikan itu kita menjalankan kerja-kerja sekarang. Saya percaya kerja-kerja yang sedia ada dalam tangan kita sekarang iaitu satu bahagian daripada Air Keroh ke Pagoh, saya percaya bahagian ini boleh dapat diselesaikan penghujung tahun 1988. Selepas itu kita tidak ada apa-apa package lagi. Dengan itu saya percaya kita sudahpun selesai lebih daripada 350 kilometer dan kita akan mengutip tol di kawasan-kawasan yang kita telah siapkan.

KES RASUAH BARU

10. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes-kes rasuah yang di Malaysia dan

sama ada ini membayangkan kelemahan Badan Pencegah Rasuah (BPR); sama ada Kerajaan sedia meletakkan BPR; sama ada Kerajaan sedia meletakkan BPR terus bertanggungjawab kepada Parlimen, jika tidak, mengapa. Apabila langkah-langkah diambil untuk memperbaiki kecekapan BPR.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama di dalam soalan Ahli Yang Berhormat ini agak kurang jelas untuk dijawab secara khusus dan saya tidak dapat pastikan apakah yang beliau maksudkan dengan kes-kes rasuah baru di Malaysia. Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa setiap kes rasuah yang sedang di dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah dikelaskan sebagai sulit dan rahsia. Sementara itu, kejayaan menyelesaikan sesuatu kes itu bukan sahaja diukur dari segi kepintaran dan kecekapan pegawai-pegawai BPR sendiri tetapi juga penglibatan serta kerjasama sepenuhnya dari orang ramai terutamanya saksi-saksi.

Sehubungan dengan itu, daripada sejumlah 4,559 maklumat yang diterima oleh BPR sejak bulan Januari 1987 hingga bulan Ogos yang lalu, sebanyak 373 kes mengenai dengan berbagai jenis kesalahan rasuah telah dibuat siasatan terbuka.

Menyentuh tentang perkara kedua soalan Ahli Yang Berhormat tadi, suka saya tegaskan sekali lagi bahawa kewujudan BPR melalui Akta Badan Pencegah Rasuah, 1982 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri tidaklah bermakna kuasa dan kebebasannya untuk bertindak dikawal atau dikongkong oleh pihak pemerintah. Malahan Badan ini diberi sepenuh kebebasan untuk menyiasat

segala bentuk perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang ditegah oleh undang-undang di semua lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan atau status seseorang itu. Saya berkeyakinan penuh Badan ini berupaya memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan. Oleh yang demikian, buat ketika ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk meletakkan BPR di bawah Parlimen.

Walaupun Kerajaan berpuashati dengan prestasi BPR, namun keupayaan dan kecekapan Badan ini sentiasa dikaji dan disemak semula dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan masa serta kehendak keadaan memandangkan perbuatan rasuah kian menjadi sofistikated. Antara langkah-langkah yang diambil oleh BPR untuk memastikan tahap kecekapan dan kemahiran ditingkatkan ialah:

- (i) menganjurkan kursus-kursus latihan dan ulangkaji untuk pegawai-pegawai BPR supaya teknik-teknik dan kaedah-kaedah baru dapat dipelajari dan dilaksanakan;
- (ii) menghantar pegawai-pegawai BPR mengikuti kursus-kursus pengajian yang lebih tinggi seperti kursus ijazah di universiti atau institusi di dalam dan di luar negeri;
- (iii) menjalankan kajian-kajian dan 'post-mortem' ke atas kegagalan kes-kes rasuah yang telah disiasat untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang berlaku dan dijadikan bahan rujukan agar kegagalan tidak berulang lagi;
- (iv) mengadakan lawatan sambil belajar oleh pegawai-pegawai BPR ke agensi-agensi pencegah rasuah di luar negeri; dan
- (v) memastikan sistem merekod maklumat, data, perangkaan

dan seumpamanya dikemaskini sepanjang masa supaya pengurusan dan pentadbiran Jabatan dilaksanakan dengan licin.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak BPR telah memulakan penyiasatan ke atas satu aduan laporan Polis yang telah dibuat oleh pihak Pembangkang ke atas kemungkinan rasuah yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dalam menawarkan tender Lebuhraya Utara-Selatan kepada United Engineers Malaysia, adakah tindakan telah dibuat, jika tidak, mengapa tidak? Adakah benar bahawa BPR yang di bawah kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak mempunyai apa-apa kuasa pun untuk menyiasat perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa soalnya?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, objection!

Tuan Sim Kwang Yang: Di bawah berapa peraturan mesyuarat?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti dahulu, apakah soalnya?

Tuan /ubir bin Embong: Bantahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: Ada orang kacau di sana!

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa kacau; apa kacau?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan bincangkan. Saya minta apakah soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Soalnya ialah adakah tindakan siasatan telah dilakukan dan kalau tidak, kenapa tidak? sudah jelas.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, itulah bahayanya kalau sekiranya seseorang itu bercakap berdasarkan kepada perasaan (*Tepuk*) Kalau dia seorang Ahli Parlimen yang baik, dia akan mendengar jawapan saya dan kalau dia faham apa yang saya cakapkan tadi, dia akan tahu bahawa soalan itu tidak perlu. Telah saya katakan tadi. tetapi kalau dia tanya juga, saya boleh jawab. Jawapannya mudah sahaja, tetapi bagi mereka yang mengerti. Kalau mereka tidak mengerti, tidak guna jawapan. Saya telah tegaskan tadi, saya katakan beberapa urusan yang dibuat oleh badan yang berkecuali seperti ini adalah sebahagiannya merupakan rahsia. Mungkin dia tidak mengerti makna rahsia dan ini akan dijalankan bila tiba masanya nanti.

DADAH—PELAJAR YANG TERLIBAT

11. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pendidikan menyatakan—

- (a) berapa ramaikah pelajar-pelajar dan guru-guru di Malaysia yang terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan najis dadah dan apakah langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan yang tercapai.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan najis dadah sejak tahun 1981 hingga 1986 ialah seramai 857 orang. Daripada jumlah tersebut 293 orang terlibat dengan menghidu gam.

Untuk menghapuskan gejala buruk ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah.

Antaranya ialah mengarahkan pihak sekolah-sekolah menubuhkan Jawatankuasa Anti Dadah; mengadakan ceramah kesedaran; mengadakan ceramah kesedaran kepada ibu bapa, kepada murid-murid dan ketua-ketua pelajar; menyebarkan risalah-risalah yang mengandungi maklumat mengenai bahaya dadah dan menghidu gam kepada guru-guru sekolah supaya mereka dapat mengesan pelajar-pelajar yang menyalahgunakan dadah ini; mengadakan serbuan mengejut dan ujian air kencing ke atas pelajar-pelajar dan juga mengada dan meneruskan kem jayadiri bagi menyedarkan pelajar-pelajar yang berisiko akan bahaya dadah.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan jumlah guru dan pelajar yang terlibat dengan penggunaan dadah. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian kepada guru-guru yang terlibat dalam bidang itu, sama ada tindakan berhentikan kerja atau menggantung kenaikan pangkat dan sebagainya.

Selain daripada langkah-langkah itu, apakah dengan menghidu gam yang disebut satu bahagian yang diambil tindakan, gam jenis apakah yang menjadi satu perkara dalam hiduan ini?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam 857 itu pelajar-pelajar yang telah dikesankan terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini, 37 orang pelajar-pelajar itu telahpun dikenakan tindakan disiplin termasuklah digantung dari persekolahan dan juga dibuang sekolah mengikut keadaan-keadaan yang tertentu.

Mengenai guru-guru yang terlibat, tindakan-tindakan adalah mengikut

Circular dan juga arahan-arahan dari Kementerian yang menjadi garis panduan.

Soalan kedua, mengenai bahan-bahan menghidu gam ini termasuklah gam-gam kayu dan turpentine dan lain-lain seperti gam tayar basikal yang mengandungi hidro carbon yang menjadi satu bahan untuk digunakan oleh pelajar-pelajar yang menghidu gam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan penyalahgunaan dadah di kalangan murid-murid dan juga guru-guru, adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan syarat supaya sekurang-kurangnya guru-guru ini dikenakan melalui ujian tertentu sekurang-kurangnya setahun sekali. Kalau sekiranya Kementerian tidak bercadang, mengapakah ianya tidak boleh dijalankan?

Dr Leo Michael Toyad: Di peringkat guru, ujian air kencing adalah dikenakan di mana kita ada mengesyaki bahawa mereka itu terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah dan di peringkat pengambilan guru ini adalah menjadi satu syarat juga dalam pengambilan pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih guru. Untuk mengadakan ujian kencing ke atas guru-guru seramai 200,000 orang di negara kita memang agak rumit, tetapi kita mungkin menjalankan mengikut keadaan di mana ada risiko-rosiko yang kita nampak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu tidak hadir).

BELIA NIAGA

13. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah kemajuan yang

dicapai oleh belia-belia melalui program Belia Niaga Kementerian tersebut, terutamanya belia-belia luar bandar.

Menteri Belia dan Sukan (Dato¹ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Belia Berniaga di bawah Kementerian ini sejak dimutakan pada tahun 1976 hingga sekarang telah dapat mewujudkan sebanyak 2,525 projek iaitu 1,313 projek Belia Niaga dan 1,212 projek Rancangan Peniaga kecil. Kebanyakan peserta adalah dari kawasan luar bandar.

Kemajuan yang dicapai adalah amat menggalakkan, terutama dari segi sambutan di kalangan belia termasuk para belia luar bandar, manakala dari segi prestasi projek, terdapat banyak projek-projek yang berkembang dan mencapai kejayaan yang membanggakan di samping dapat memberi sumbangan ke arah mengurangkan pengangguran di kalangan belia di negara ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan sama ada dari segi pinjaman ataupun sebagainya kepada belia-belia dalam Skim Belia Niaga ini dan daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan itu, berapakah pulangan ataupun pembayaran balik yang telah dapat dikutip daripada belia-belia tersebut?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$22.3 juta telah diluluskan di bawah pinjaman program ini dan setakat ini jumlah kutipan bayaran yang patut diterima ialah sebanyak \$2.4 juta dan setakat ini \$2.09 juta telah dikutip oleh pihak Kerajaan.

BOT PUKAT TUNDA YANG DIRAMPAS

14. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa buah bot nelayan kecil yang menjalankan usaha menangkap ikan dengan cara pukut tunda kecil yang telah dirampas dan dihukum kerana berbagai kesalahan oleh Jabatan Perikanan;
- (b) berapa banyak lesen pukut tunda kecil yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dalam tahun ini; dan
- (c) berapa banyak bot-bot asing yang mencero bohi menangkap ikan di perairan Kedah telah diambil tindakan oleh Jabatan Perikanan sehingga kini dari tahun 1986.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan:

- (a) jumlah tangkapan bot-bot pukut tunda kecil yang telah dirampas serta didenda (vesel-vesel tempatan sahaja) dari tahun 1985 hingga bulan Oktober, 1987 ialah 281 kes;
- (b) bilangan lesen pukut tunda kecil kurang 25 grt. dikeluarkan bagi tahun 1987 bagi Semenanjung Malaysia ialah 2,654. Lesen-lesen ini adalah lesen-lesen lama yang diperbaharui dan tiada lesen baru dikeluarkan;
- (c) bilangan tangkapan bot-bot negara asing di perairan Kedah/Perlis:

<i>Tahun</i>	<i>BU. Kes</i>	<i>Bil. Orang Kena Tuduh</i>
1986	28	75 orang
1987 sehingga Oktober	7	39 orang

Tangkapan berkurangan kerana rondaan dan kawalan ke atas pencerobohan bot-bot nelayan asing sentiasa digiatkan oleh Jabatan Perikanan dan Polis Marin.

KONTRAK BEKALAN TELOR

15. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa kontrak di bawah Skim Payong kepada Pertubuhan Peladang untuk kawasan Tengah Semenanjung ditarik balik dan kepada syarikat mana pula diberikan serta nyatakan siapa Pengarah Syarikat itu. Benarkah skim yang sama yang diuntukkan kepada Pertubuhan Peladang di Perak akan ditarik balik dan kepada syarikat mana pula hendak diberi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, kontrak bekalan telur kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun di bawah Konsep Payong bagi negeri Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan telah ditarik balik disebabkan kontraktor iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah kontraktor (NAFAS) hendaklah mendapatkan bekalan dari penternak-penternak bumiputera dan NAFAS dikehendaki mendidik, membimbing penternak-penternak bumiputera bagi melibatkan diri dalam skim ternakan ayam.

Kementerian Kewangan telah mendapati bahawa pembekalan telur oleh NAFAS bagi ketiga-tiga negeri tersebut iaitu Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan amatlah kurang dan sebahagian besar dari bekalan bagi ketiga-tiga negeri itu didapati dari punca-punca lain selain daripada penternak bumiputera. Bagi peringkat permulaan NAFAS dikehendaki

mendapatkan bekalan dari penternak-penternak bumiputera sekurang-kurangnya 10% dari jumlah keperluan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa hingga mencapai 100%. Selepas dua tahun kontrak diikat, pihak kontraktor iaitu NAFAS belum lagi dapat mewujudkan bilangan penternak-penternak bumiputera yang sewajarnya di ketiga-tiga negeri tersebut. Bekalan telur oleh kontraktor yang diperolehi dari punca-punca lain didapati tidak menepati objektif kontrak dan bertentangan dengan syarat-syarat yang dikenakan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah mengambil tindakan mengadakan Tender Terbuka untuk pembekalan telur di ketiga-tiga negeri tersebut dan telahpun menawarkan tender itu kepada tiga syarikat bumiputera. Walau bagaimanapun, kontrak ini akan ditimbang semula untuk diberi kepada NAFAS sekiranya NAFAS dapat mewujudkan penternak-penternak bumiputera yang secukupnya bagi membekalkan keperluan di ketiga-tiga negeri yang tersebut.

Kementerian Kewangan akan mengkaji semula kedudukan bekalan telur oleh penternak-penternak bumiputera di semua negeri sekiranya didapati bahawa penternak-penternak bumiputera masih belum boleh membekalkan telur mengikut perancangan sebagaimana yang ditetapkan, Kementerian ini akan menimbang kedudukan kontrak yang berkenaan.

Mengenai skim di negeri Perak, Kerajaan adalah berpuas hati dengan program NAFAS dan oleh itu tidak akan menarik balik skim NAFAS itu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam soalan asal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

dari Sik ada meminta supaya Menteri memberi nama syarikat, syarikat mana pula diberikan serta pengarah-pengarah syarikat tersebut. Ini jawapan tidak diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap dapat menjawab soalan ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklumat tambahan untuk menjawab soalan tambahan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan, di sini saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa syarikat-syarikat yang telah diberikan kontrak bagi menggantikan kontrak dengan NAFAS bagi negeri Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

Negeri	Kontrator	Lembaga Pengarah Pengurus
Pahang	Syankat Hikmat Bakn Sdn Bhd	Eneik Mohd Yusot bin Abu Bakat
Selangor	Syankat Ahmad Mohamad (Syankat perseorangan)	Tuan Haji Ahmad bin Haji Zamal
Wilayah Persekutuan	Fedral Malay Supplier	Tian Haji Musa bin Haji Ibrahim

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada penarikan kepada Wilayah Tengah Semenanjung ini ditarik balik oleh kerana adanya campur tangan orang-orang yang berpengaruh dan berkuasa dalam politik dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawasanya di Semenanjung ada 11 buah negeri yang diberi peluang kepada bumiputera ini, dalam masa dua tahun ini 8 telah membuat prestasi yang begitu baik dan setengah-setengahnya pengeluaran melebihi daripada had dan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vjjandran): Sudah, Yang Berhormat. Sudah lebih.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Sudah! sudahlah. (*Ketawa*)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan yang di-Pertua, keputusan yang diambil oleh Kementerian Kewangan supaya menarik balik kontrak kepada NAFAS itu tidak meliputi campur tangan ahli-ahli politik atau suasana politik. Ini hanyalah kerana mereka tidak mengikut atau mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak yang tersebut apabila mereka diikat untuk pembekalan telur kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vjjandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut lelah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 12 dan 16 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).

SUKATAN PELAJARAN SEKOLAH AGAMA

4. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilakah sukatan pelajaran sekolah-sekolah agama yang telah disusun selama lebih daripada tujuh tahun itu akan mula dijalankan;
- (ii) tidaklah Kerajaan berpendapat bahawa Krisis akhlak yang berleluasa masa kini adalah dengan sebab mereka tidak mendapat asuhan dan didikan agama semenjak dari kecil lagi. Dari itu apakah langkah dan inovasi Kerajaan untuk segera melengkapkan dan menggalakkan serta menggiatkan di setiap jabatan, masjid-masjid, balairaya-balairaya supaya diadakan Taman Asuhan Kanak-kanak

dengan diselaraskan ke semua sukatan pelajaran yang ada dan semua Tadika-tadika Islam yang ada latihan gurunya dijalankan pada masa ini mengikut selera masing-masing untuk tujuan berlawan-lawan dan mencari untung dan ada pula untuk kepentingan politik.

Dr Leo Michael Toyad:

(1) Kementerian Pendidikan bertanggungjawab menyediakan kurikulum Agama Islam bagi sekolah-sekolah di bawah pentadbirannya. Sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri atau lain-lainnya mempunyai kurikulum mereka sendiri. Bagi sekolah rendah Kurikulum Agama yang baru telah dilaksanakan pada tahun 1982 dan bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan telah pun mengubal kurikulum agama yang akan dilaksanakan pada tahun 1989.

(ii) Krisis akhlak yang terdapat di kalangan masyarakat adalah disebabkan oleh berbagai faktor dan kekurangan didikan agama itu adalah salah satu daripada faktor-faktornya. Kementerian Pendidikan sedar yang asuhan agama dari peringkat tadika adalah penting dalam usaha membentuk akhlak. Langkah telahpun diambil dengan mengadakan sebuah garis panduan pra sekolah supaya dapat diselaraskan program pra sekolah. Buku panduan tersebut ada mengandungi unsur-unsur pendidikan agama Islam bagi kanak-kanak Islam. Tadika-tadika yang dijalankan oleh pelbagai agensi digalakkan supaya menggunakan buku garis panduan tersebut.

**HUTANG KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

12. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman dari luar negeri pada Oktober, 1987; dan
- (b) jumlah pelaburan dari luar negeri di negara kita untuk tahun 1985, 1986 dan 1987.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Jumlah hutang negara yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dari sumber luar negeri sehingga 31hb Oktober, 1987 ialah sebanyak \$28.7 billion.
- (b) Bergantung kepada pelaburan yang dilesenkan jumlah pelaburan dari luar negeri untuk tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Amaun (\$ Juta)</i>
1985	324.9
1986..	524.5
1987 (Jumuan-Julai)	324.1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bagi tahun 1987 meliputi projek-projek yang mempunyai modal pelaburan bernilai \$2.5 juta dan ke atas atau gunatenaga 75 orang dan ke atas. Mulai 24hb Oktober, 1986 hanya permohonan daripada projek-projek perkilangan yang mempunyai modal dan gunatenaga seperti tersebut diperlukan untuk mendapatkan lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (Pindaan 1986).

**PETRONAS — KONTRAK
PERKONGSIAN PENGELUARAN**

16. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan

bilangan perjanjian pembahagian pengeluaran (Production Sharing Contract) setakat ini yang ditandatangani oleh PETRONAS dan syarikat lain untuk menggali medan-medan minyak luar atau dalam pantai Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia mengikut negeri. Apakah ciri-ciri penting yang terkandung dalam perjanjian ini. Nyatakan bilangan telaga minyak yang sedang dan belum beroperasi setakat ini mengikut negeri dan nyatakan pengeluaran minyak petroleum mentah sehari mengikut negeri dan bilakah simpanan minyak mentah kita dijangka habis. Adakah program pemindahan teknologi di industri petroleum kita telah berjaya setakat ini terutama daripada Syarikat Shell dan Esso. Jika ya, apakah teknologi tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh PETRONAS untuk menentukan menjelang tahun 2000 industri petroleum dan juga cecair asli di negara ini dijalankan oleh anak tempatan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Tuan Kasitah bin Gaddam):**

1. Setakat ini 12 Kontrak Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Contract (PSC) telah ditandatangani; 2 bagi kawasan Terengganu, 5 bagi Sarawak dan 5 bagi Sabah.
2. Ciri-ciri penting yang terkandung di dalam perjanjian tersebut termasuklah:
 - (i) perolehan kembali kos iaitu sebanyak 50% bagi operasi mengeluarkan minyak dan 60% bagi pengeluaran gas;
 - (ii) pembayaran royalti sebanyak 10%;
 - (iii) pembahagian keuntungan di antara PERTRONAS dan kontraktor mengikut kadar yang lebih sesuai;

- (iv) penetapan ke atas nilai perbelanjaan yang mesti dilaburkan bagi usaha-usaha mencarigali; dan
- (v) penggunaan sumber-sumber dan bahan-bahan tempatan di dalam usaha-usaha mencarigali, pembangunan dan pengeluaran.

3. Bilangan telaga-talaga minyak yang telah dikenalpasti setakat ini berjumlah 687 seperti berikut:

	<i>Beroperasi</i>	<i>Belum Beroperasi</i>	<i>Jumlah</i>
Terengganu	30	3	
Sabah	142	11	153
Sarawak	228	2	230
<i>jumlah</i>	<i>671</i>	<i>16</i>	

4. Pengeluaran minyak mentah bagi tahun 1987 mengikut negeri-negeri dianggarkan seperti berikut:

	<i>Tonglhari</i>
Terengganu	272,100
Sabah	86,300
Sarawak . .	136,100
<i>Jumlah</i>	<i>494,500</i>

Berdasarkan pada paras pengeluaran bagi tahun 1987, iaitu kira-kira 500,000 tong sehari, tempoh hayat rezab negara adalah kira-kira 16 tahun.

5. Pemindahan teknologi yang dicapai setakat ini adalah menggalakkan terutama di peringkat hulu dalam kerja-kerja mencarigali, pembangunan dan operasi-operasi pengeluaran lapangan-lapangan minyak manakala di peringkat hiliran operasi kilang penapis minyak dan loji pemerosesan gas serta

penglibatan di dalam projek-projek gas asli cecair, urea dan amonia dan Penggunaan Gas Semenanjung, serta juga pembangunan syarikat-syarikat swasta untuk menceburi bidang petroleum melalui kontrak-kontrak yang ditawarkan seperti kerja-kerja fabrikasi luar pantai dan lain-lain.

6. Bagi menentukan bahawa menjelang tahun 2000 industri petroleum dijalankan oleh anak tempatan, PETRONAS mengambil langkah berikut:

- (i) mengujudkan beberapa perjanjian usahasama dengan syarikat-syarikat yang telah ditawarkan kontrak Perkongsian Pengeluaran di kawasan kontrak baru, pengambilan anak-anak tempatan dan penglibatan mereka dalam pasukan-pasukan projek;
- (ii) meneruskan program Memalaysianisasi beberapa jawatan-jawatan dalam bidang petroleum dengan pegawai/kakitangan tempatan yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman secukupnya;
- (iii) mengsyaratkan dalam Kontrak Perkongsian Pengerluan melatih warganegara Malaysia serta menggalakkan penggunaan bahan-bahan dan perkhidmatan tempatan; dan
- (iv) mengadakan dan melaksanakan program latihan yang comprehensive bagi pegawai/kakitangan PETRONAS dalam berbagai kursus termasuk melalui Pusat Latihan Teknikal di Batu

Rakit serta lain-lain kursus dan penetapan di syarikat-syarikat minyak.

PENANGKAPAN IKAN DI LAUT DALAM

17. **Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pertanian menjelaskan apakah rancangan dan bentuk usaha Kementerian membantu nelayan negara kita untuk menyertai penangkapan ikan di laut dalam, dalam kontek kerjasama dengan Kerajaan Thai sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya mereka tidak diperalatkan untuk kepentingan tertentu.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kementerian Pertanian sedang berusaha untuk menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat yang berkemampuan untuk menerokai di laut dalam, khususnya untuk menangkap ikan yang spesifik dan bermutu tinggi serta mendapat harga pasaran yang baik di luar negeri, seperti Tuna, Udang dan Sotong. Dalam masa yang sama, kerjasama dari negara asing (termasuk Thailand) dalam bidang ini adalah diperlukan. Bidang kerjasama perikanan yang diperlukan ini merangkumi aspek pemasaran ikan, penukaran kepakaran dan pemindahan teknologi. Pekerja-pekerja asing akan digunakan sekiranya pekerja-pekerja tertentu yang diperlukan untuk operasi tidak mencukupi atau tidak dapat diperolehi dan tempatan. Oleh yang demikian pekerja-pekerja asing berkenaan adalah diperlukan dengan segera untuk mengatasi kakurangan pekerja tempatan. Dalam masa yang sama, pekerja-pekerja tempatan hendaklah dilatih supaya dapat mengambil alih tugas-tugas tersebut kelak. Sehingga kini Malaysia belum mempunyai pengusaha yang pakar di dalam bidang perikanan laut dalam. Ini dapat dilihat

dari jumlah lesen bot yang beroperasi sekarang iaitu cuma 96 buah dari sejumlah 356 lesen yang telah diluluskan.

SKIM KHIDMAT SAMBILAN BAGI SISWAZAH

18. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan di antara 4,000 siswazah yang bekerja sementara di pelbagai Jabatan Kerajaan menerusi Skim Khidmat Sementara (SKS) yang telah mengikuti Skim Latihan Khas (SLK) di Institut Pengurusan Pendidikan negara (IPPN);
- (b) apakah unsur-unsur latihan yang dititikberatkan;
- (c) sejauh manakah kejayaan skim ini dalam menempatkan para siswazah bekerja di syarikat-syarikat swasta; dan
- (d) adakah Kerajaan akan menambahkan bilangan siswazah untuk mengikuti Skim Khidmat Sementara (SKS) dan Skim Latihan Khas (SLK).

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 319 orang daripada 4,000 orang siswazah yang bekerja di bawah Skim Khidmat Sambilan (SKS) telah dipilih untuk mengikuti Skim Latihan Khas (SLK) di Institut Pengurusan Pendidikan Negara (IPPN). Bagaimanapun, pada akhir kursus hanya 309 orang yang berjaya menamatkan latihan.
- (b) Matlamat program latihan ini ialah untuk mewujudkan individu yang produktif melalui pelarasan semula nilai-nilai dan sikap yang ada sekarang serta menanamkan nilai-nilai baru

hingga membolehkan mereka mempunyai persiapan yang lebih baik untuk menghadapi pelbagai perubahan dan cabaran. Dengan itu unsur-unsur latihan yang dititikberatkan ialah:

- (i) Penukaran sikap individu;
 - (ii) Kepercayaan diri;
 - (iii) Perkembangan semangat individu;
 - (iv) Ketahanan diri;
 - (v) Pengukuran nilai diri/kemahiran.
- (c) Sehingga 1-10-87, daripada 309 orang peserta yang berjaya menamatkan latihan itu, seramai 48 orang telah dapat ditempatkan ke syarikat-syarikat swasta untuk meneruskan latihan.
- (d) Kerajaan tidak bercadang menambah bilangan siswazah untuk bekerja di bawah Skim Khidmat Sambilan (SKS). Namun begitu, Kerajaan merancang untuk meneruskan Skim latihan Khas dengan matlamat melatih semua siswazah yang sedia ada di bawah Skim Khidmat Sambilan dengan harapan mereka akan bersedia untuk berdiri jika sudah sampai masanya skim itu ditamatkan.

AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan dan prosedur sedang diambil untuk memperkukuhkan dan memperkemaskan Akta Pelajaran 1961 dan sama ada dalam peringkat ini, badan-badan pendidikan antara semua lapisan masyarakat dijemput untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan mereka, jika tidak, mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh untuk memperkemas dan memperkukukannya. Mengenai perkara kedua yang ditimbulkan, pihak Kementerian telah menerima sebanyak 28 buah memorandum yang dikemukakan oleh badan-badan pendidikan, pertubuhan Politik, persatuan-persatuan dan orang ramai dari semua lapisan masyarakat. Kesmuanya ini akan diambil perhatian oleh Jawatankuasa Mengkaji Akta tersebut.

SEKOLAH ISLAMIAH DI SEMPORNA

20. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan dibuat di dalam rancangan pembinaan sebuah sekolah Islamiah di daerah semporna, Sabah:

- (a) bilakah pembinaannya dimulakan;
- (b) Benarkah rancangan pembinaan sekolah tersebut telah ditarik balik dan dipindahkan ke daerah lain; dan
- (c) adakah rancangan Kementerian mengadakan surau-surau di sekolah-sekolah majoriti anak-anak Islam untuk kegunaan belajar sembahyang dan menunaikan fardhu sembahyang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah bercadang untuk membina sebuah sekolah Islamiah di daerah Semporna, Sabah Oleh itu, tidaklah timbul soal menarik balik rancangan ini ke daerah lain. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang

membina sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Berasrama Penuh) di Ranau yang dijangka siap pada akhir tahun ini. Sekolah Menengah Agama ini akan menampung keperluan bagi sekolah Menengah Agama seluruh Sabah. Sementara itu, dalam pembinaan sekolah-sekolah baru atau tambahan, Kementerian ini memastikan bahawa terdapat bilik ibadat/surau di semua sekolah-sekolah yang mempunyai murid/guru Islam.

RUMAH GURU—MEMPERBAIKI

21. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa terdapat beberapa buah rumah guru di kawasan Sugut dan Paitan yang sudah rosak belum diperbaiki. Apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang terdapat di sana-sini rumah-rumah guru yang perlu dibaiki. Oleh itu melalui Jabatan Pendidikan negeri, peruntukan telah diberi kepada Pegawai Pendidikan Bahagian untuk tujuan melaksanakan penyelenggaraan bangunan-bangunan ini. Pegawai Pendidikan Bahagian telah diminta membuat kajian dan penilaian yang teliti untuk menentukan keutamaan atas pembaikan-pembaikannya yang perlu dibuat mengikut peruntukan yang disediakan itu.

Mengikut rekod Kementerian Pendidikan tidak ada permohonan bagi membaiki rumah guru di Paitan. Walau bagaimanapun ada permohonan untuk membaiki rumah guru dan juga asrama Sekolah Menengah Terusan Sugut. Langkah-langkah sedang diambil untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan ini,

KOLEJ PENGAJIAN PERSEDIAAN

22. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab projek KPP khususnya di bawah JPA menghadapi kegagalan;
- (b) sebab-sebab projek KPP di bawah JPA menghadapi kegagalan yang terlalu buruk dibandingkan dengan mereka yang dikelolakan oleh Maktab Sains Mara. Mengapa program MSM mendapat kejayaan cemerlang;
- (c) kemanakah sekitar 50 peratus pelajar KPP yang berjaya tahun ini hendak dihantar dan apakah rancangan Kerajaan untuk menampung pelajar-pelajar yang gagal yang menjadi mangsa KPP itu; dan
- (d) adakah Kementerian berhajat membentuk satu jawatankuasa menyiasat dan membentangkan kepada Dewan ini mengenai kegagalan KPP itu.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kolej Pengajian Persediaan (KPP) sebenarnya adalah di bawah kelolaan ITM, JPA hanya sebagai salah sebuah badan penganjur kepada pelajar-pelajar. Pada keseluruhannya program-program pengajian yang dikendalikan oleh Kolej Persediaan ITM ini tidaklah semuanya menghadapi kegagalan. Misalnya, bagi program AAD (American Associate Degree), pencapaiannya sangat memuaskan yang mana setakat ini sebahagian pelajar dapat meneruskan pengajian mereka di Amerika Syarikat.

(b) Adalah tidak benar program-program yang dijalankan oleh KPP, ITM itu mengalami kegagalan yang buruk berbanding dengan program-program Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

(c) Pelajar-pelajar yang berjaya telah melanjutkan pelajaran di universiti luar negeri khususnya di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Canada. Pelajar-pelajar yang gagal pula telah dibenarkan mengulang atau memasuki universiti-universiti tempatan.

(d) Jawatankuasa Kabinet mengenai Biasiswa, yang dipengerusikan oleh yang Berhormat Menteri Pendidikan, sentiasa mengawasi perjalanan KPP, ITM dan telah mengarahkan supaya langkah-langkah tertentu diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pelaksanaan program-program KPP, ITM.

ASEAN—KERJASAMA NEGARA ANGGOTA

23. **Dato" Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan; apakah pencapaian-pencapaian yang dibuat di dalam membangun dan memperkukuhkan kerjasama di kalangan negara anggota ASEAN ke atas bidang-bidang yang tidak controversial seperti berikut:

- (a) pelancongan;
- (b) bahan bakar bukan petroleum.

adakah kegagalan ASEAN di dalam usahasama di bidang ekonomi disebabkan oleh trade complementarity yang rendah. Kalaulah ini sebabnya apakah cita-cita untuk mewujudkan suatu regional common market atau terus tinggal cita-cita sahaja. Dan justeru itu adakah kemasukan

Bangladesh, Sri Lanka dan India kemungkinan kenaikan tahap trade complementarity irri.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, ekonomi kebanyakan negara-negara yang sedang membangun sering mempunyai "complementarity" yang rendah antara satu sama lain. Begitu juga dengan ekonomi negara-negara ASEAN. Disebabkan oleh perkembangan-perkembangan sejarah, negara-negara ASEAN pada sebahagian besarnya bergantung kepada sektor komoditi dan barangan perkilangan yang berasaskan bahan-bahan mentah. Negara-negara maju merupakan pasaran utama bagi negara-negara ASEAN. Umpamanya, pada tahun 1985, perdagangan ASEAN dengan Jepun, Amerika syarikat dan Kesatuan Ekonomi Eropah merupakan lebih daripada 50% jumlah perdagangan ASEAN.

Satu lagi punca utama yang telah menyumbangkan kepada complementarity yang rendah ialah dasar "import-substitution" yang diamalkan di tahun-tahun enam puluhan, iaitu di peringkat awal industrialisasi. Walau bagaimanapun, sejak sepuluh hingga lima belas tahun kebelakangan ini, struktur ekonomi negara-negara ASEAN telah mengalami perubahan yang lebih menekankan perkilangan dan pemerosesan serta bergantung kepada pasaran eksport.

Dari segi komposisi perdagangan "intra-ASEAN", minyak petroliaam dan barangan makanan yang pada satu ketika merupakan barangan perdagangan utama antara negara-negara ASEAN, telah mengalami ke merosotan dari aspek sumbangan terhadap jumlah import dan eksport di kalangan negara-negara ASEAN. Sebaliknya, eksport barangan buatan kian meningkat dan bertambah

penting dalam urusan perdagangan "intra-ASEAN". Umpamanya, ia menyumbangkan kepada 37% daripada jumlah perdagangan dalam tahun 1985 berbanding dengan 30% di tahun 1976. Dari segi nilai, ia telah meningkat sebanyak enam kali ganda. Adalah juga diperhatikan bahawa eksport barangan buatan masih terus berkembang walaupun jumlah perdagangan intra-ASEAN telah merosot secara "absolute" selepas tahun 1983. Sumbangan alat jentera letrik dan bukan letrik kian bertambah penting dalam perdagangan "intra-ASEAN". Ini menunjukkan bahawa potensi yang besar masih wujud dalam sektor buatan ASEAN. Sektor perkilangan boleh dikatakan mempunyai potensi besar untuk diwujudkan "complementarity"; dalam konteks kerjasama perindustrian ASEAN.

Oleh itu, adalah tidak begitu tepat sekiranya dikatakan kegagalan ASEAN di dalam kerjasama ekonomi disebabkan oleh "trade complementarity" yang rendah oleh kerana kemajuan-kemajuan telahpun dicapai di bidang kerjasama pertanian, makanan dan perhutanan, perhubungan dan pengangkutan serta kewangan dan urusan bank dan lain-lain lagi di bidang ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Yang Mulia ini, setakat ini para Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah mencapai persetujuan bahawa perindustrian dan perdagangan adalah dua bidang yang utama yang dapat meningkatkan lagi kerjasama ekonomi ASEAN. Justeru itu, usaha-usaha ke arah galakan projek-projek "ASEAN Industrial Joint Venture" (AIJV) dan pembukaan pasaran ASEAN melalui Sekim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA) yang lebih berkesan akan terus dipergiatkan. Kerjasama ekonomi seumpama ini adalah penting oleh kerana pasaran-pasaran tradisional ASEAN seperti

Amerika Syarikat, EEC dan Jepun adalah semakin mengalami perlindungan.

Setakat ini, negara-negara seperti Bangladesh, Sri Lanka dan India masih belum menjadi anggota ASEAN. Pada ketika ini, masih tiada hasrat di kalangan ASEAN sendiri untuk memperluas atau menambahkan keanggotaannya bagi melebihi enam buah negara ahli. Sebaliknya, ASEAN sedang mengenalpastikan dasar-dasar yang sesuai bagi meningkatkan lagi kerjasama ekonomi antara satu sama lain, khususnya bagi menghadapi Sidang Kemuncak Ketiga ASEAN pada bulan Disember, 1987 ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI THAILAND KE KUANTAN

24. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri Thailand dan Jeneral Tun Prem Tinsulatlunda ke Malaysia baru-baru ini dan adakah perkara-perkara bersabit dengan pencerobohan Nelayan Thai ke perairan Malaysia telah dibincangkan; dan juga perkara-perkara serta penyeludupan bayi, senjata dan dadah melalui jalan darat dan laut telah dibangkitkan jika ya, apakah hasil perbincangan ini dan sama ada pihak Thai telah mengaku memberi kerjasama dalam membanteras perkara-perkara tersebut.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Jawapan untuk soalan ini telahpun diberi pada 2hb. November, 1987 kepada soalan yang sama daripada ahli Yang Berhormat dari Seputeh. Saya tidak ada apa-apa tambahan baginya.

KAWASAN KILANG BARU KEPONG UTARA

25. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan semasa

pemilihan tapak baru Kepong Utara bagi kilang-kilang haram di sekitar Wilayah Persekutuan, adakah pandangan para perkilang diambil kira serta kajian yang tengkap dibuat ke atas kemungkinan kehilangan perniagaan akibat pemindahan tersebut, lebih-lebih lagi apabila jalan masuk dan keluar dari kepong nampaknya akan dikenakan bayaran tol. Jika ada, apakah pandangan pekilang mengenai tapak baru dan tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang berhasil mengenai kesesuaian tapak, terutama sekali faktor 'accessibility'.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Pembukaan kawasan pengilang baru yang teratur dan lengkap dengan segala kemudahan adalah bertujuan membolehkan pengilang-pengilang haram menjalankan operasinya dengan lebih selesa.

Dengan adanya kawasan kilang yang baru dengari kemudahan ruang yang sesuai, bekalan elektrik dan air yang terjamin, serta jalan masuk yang baik, akan membolehkan kilang menambahkan produktivitinya. Harga kilang ini juga akan dikawal supaya mampu dibeli oleh pekilang-pekilang haram. Dalam hubungan ini kajian telahpun dijalankan oleh Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengetahui keperluan kilang-kilang haram tersebut.

Soal pengenaan tol dan 'accessibility' tidak timbul kerana kawasan kilang yang baru itu adalah berhampiran dengan kilang-kilang haram yang terdapat di kawasan Kepong. Sebenarnya kilang baru ini adalah untuk kebaikan pengilang kerana mereka akan diberikan peluang keemasan untuk memiliki sendiri kilang masing-masing. Kerajaan sedar bahawa ada pihak-pihak tertentu yang menentang usaha-usaha positif ini.

Dengan lain-lain perkataan, mereka ini seolah-olah tidak mahu pengilang-pengilang haram yang menjalankan operasi di dalam keadaan serba-serbi kekurangan itu daripada memkmati keadaan yang lebih baik dan terjamin.

LAPORAN BALAI POLIS MELAKA—SIASATAN

26. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap yang berikut serta sama ada mereka telah disoal siasat dan kalau tidak mengapa:

- (a) laporan polis saya di Balai Polis Melaka Tengah No. 425/87 pada 30-1-1987 terhadap Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Ustaz Ahmad Awang kerana menghasut perasaan orang ramai dengan saranan mengenakan hukum syarak mereka yang bukan Islam;
- (b) laporan polis No. 1170/87 pada 21-8-1987 terhadap Encik Fahrni Ibrahim kerana menghasut perasaan orang ramai dengan saranan bahawa sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau Tamil mesti dimansuhkan yang diadakan di Balai Polis Melaka Tengah;
- (c) laporan polis No. 572/87 pada 6-1-1987 di Balai Polis Melaka Tengah mengenai Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka menyalahgunakan wang UMNO Melaka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Siasatan untuk soalan (a) telah selesai dan kertas siasatan dalam pertimbangan Jabatan Peguam Negara.

Untuk soalan (b)—perkara ini masih dalam siasatan polis.

Untuk soalan (c), siasatan telah selesai dijalankan dan Timbalan Pendakwa Raya Melaka telah mengarahkan kes ini diperjeniskan, dengan izin, "No offence disclosed".

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kedua*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerustkan Jawatankuasa*)

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jaduat)—

Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hadkan seorang Ahli berucap tidak lebih dari 15 minit sahaja. Yang Berhormat dari Sandakan telah habis?

Tuan Fung Ket Wing: Sambung.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

3.37 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, akan tetapi rakyat jelata menyedari bahawa keadaan yang tegang kini bukanlah ciptaan mereka sendiri ataupun ciptaan DAP atau individu-individu seperti Dr Chandra Muzaffar. Mereka tahu bahawa keadaan yang tegang ini adalah berpunca dari perselisihan di dalam UMNO sendiri di antara Pasukan A dan Pasukan B.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ini berkaitan dengan apa?

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran apa?

Tuan Fung Ket Wing: Butiran 040000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka?

Tuan Fung Ket Wing: Muka 32 dan 33.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap. Muka surat 32, butiran berapa?

Tuan Fung Ket Wing: Butiran 040000 dan butiran 070000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ini tak ada berkaitan, Yang Berhormat.

Tuan Fung Ket Wing: Tetapi sambung sedikit.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa perkara dalam UMNO berkait dengan apa, Yang Berhormat

Tuan Fung Ket Wing: Ini sambung Program, Keselamatan Negara dan Program, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kita dalam perbahasan ini membincangkan polisi Jabatan itu, bukan polisi UMNO ataupun polisi DAP.

Tuan Fung Ket Wing: Bukan polisi UMNO tetapi itu ada kaitan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Hadkan ucapan dengan butiran di sini, Yang Berhormat.

Tuan Fung Ket Wing: Mereka tahun juga bahawa ada individu-individu di dalam UMNO mahukan pangkat tinggi dan salah satu

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, point of order 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat! Saya buat keputusan di sini. Yang Berhormat hadkan ucapan pada butiran-butiran yang berkenaan dan jangan menyentuh perkara itu.

Tuan Fung Ket Wing: Itu bukan polisi, itu ada berkaitan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan, kalau tidak ada lain, duduk!

Tuan Fung Ket Wing: Selain daripada faktor hero politik tetapi beberapa faktor-faktor lain yang menyebabkan keadaan yang tegang kini, misalnya penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan sebagainya di kalangan orang Melayu, kemiskinan dan eksploitasi sosio-ekonomi kian bertambah.

Dasar Ekonomi Baru yang kononnya dicipta dan dilaksanakan untuk kepentingan seluruh masyarakat Melayu pada hakikatnya

hanya memanfaatkan golongan-golongan atasan tertentu. Pada masa yang sama orang-orang bawahan di masyarakat Melayu menderita dan terus menderita.

Mereka berpendapat bahawa "pagar makan padi", itu sebabnya orang-orang Melayu kelas bawahan marahkan Kerajaan. Itulah sebabnya peneroka-peneroka FELDA menyertai DAP dan menubuhkan cawangan-cawangan DAP. Itulah sebabnya terdapat semakin ramai orang Melayu yang menyokong DAP untuk membantah pemberian kontrak Lebuhraya kepada satu syarikat tertentu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sandakan. Saya rasa Yang Berhormat tidak faham apa yang kita boleh bincang dan apa yang kita tidak boleh bincang di dalam perbincangan ini, dalam Jawatankuasa. Butiran-butiran ini kalau Yang Berhormat hendak bincang tentang Keselamatan Negara, katalah keselamatan negara dan apa di dalam Jabatan itu.

Tuan Fung Ket Wing: Itu sosio-ekonomi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ini bukan dasar Yang Berhormat. Kita tidak boleh bincang dasar ataupun lain-lain perkara.

Tuan Fung Ket Wing: Bukan, tidak dasar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bila kita bincang Budget kita boleh kata apa-apa kita suka, tiada halangan. Di dalam Jawatankuasa hadkan kepada butiran dan polisinya itu.

Tuan Fung Ket Wing: Itu bukan polisi, itu juga ada.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa kalau Yang Berhormat tidak boleh patuhi, saya terpaksa minta Yang Berhormat duduk.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Suruh duduklah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, duduk.

Tuan Fung Ket Wing: Dia kacau sahaja. Itu Butiran 070000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 07—sekarang Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi.

Tuan Fung Ket Wing: Ya. 2 perkara.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bincang polisi unit itu Yang Berhormat.

Tuan Fung Ket Wing: Itu bukan bincangkan polisi. Mesti tanya Kerajaan, Kerajaan mesti ada satu polisi. Itu bukan polisi, itu tidak "ngam". Kerajaan sudah salah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Apa Yang Berhormat itu buat ialah untuk menghuraikan hujah-hujah di bawah Unit Penyelidikan sosio-ekonomi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. hal peneroka-peneroka FELDA pergi ke DAP itu tidak ada kaitan.

Tuan Fung Ket Wing: Ada berkaitan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat. Jangan menyentuh perkara-perkara yang tidak ada berkaitan.

Tuan Fung Ket Wing: Itu sebanyak semakin ramai orang Melayu yang menyokong DAP untuk membantah pendirian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat lain yang hendak berucap. Yang Berhormat dari Padang Terap.

3.44 p/g.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar (Padang Terap): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada maksud Bekalan B.7, Butiran 020000, Unit Perancangan Ekonomi dan juga Butiran 070000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit Yang Berhormat. Muka berapa?

Dato' Dr AfTifudin bin Haji Omar: Muka 32 dan 33.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran?

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Butiran 020000 dan juga Butiran 070000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Pada perbincangan Belanjawan tahun lalu saya ada bercakap mengenai pentingnya Unit Perancangan Ekonomi ini dikuatkan dengan memperbanyakkan pegawai-pegawai specialis yang ditetapkan tanggungjawab dan tugasnya di situ; bukan ditukar-tukar sepertimana yang dibuat di dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada masa ini. Saya ingin tahu adakah cadangan ini disambut baik. Saya bertanya ini kerana sampai sekarang keupayaan di dalam jabatan-jabatan yang bertanggungjawab di dalam bidang perancangan ekonomi masih boleh

diperbaiki lagi. Misalnya, Kerajaan tidak berupaya mengetahui secara terperinci mengenai projection-projection kemasukan modal dan lantas pendapatan Kerajaan sendiri andainya corporat tax dikurangkan ke paras 30%-35% dan satu lagi contoh ialah 12%.komponan tenaga buruh di dalam struktur kos mengeluarkan minyak kelapa sawit diberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, yang menjawab dalam Dewan ini sebagai kos yang masih rendah. 2 contoh ini adalah di antara banyak lagi contoh-contoh yang menunjukkan kurangnya keupayaan-keupayaan EPU memberi maklumat-maklumat yang tepat.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara sebegini tidak mungkin berlaku andainya ahli-ahli ekonomi di dalam badan-badan Perancangan Ekonomi Kerajaan mempunyai pegangan yang kuat di dalam subject matter mereka, dengan izin. Saya bukanlah bertujuan mengecil-gecilkan kebolehan ahli-ahli ekonomi Kerajaan. Saya tahu di dalam EPU dan SERU khususnya ada banyak ahli-ahli yang pakar di dalam bidang masing-masing. Apa yang saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini ialah sistem yang menggunakan ahli-ahli ini. Jikalau Kerajaan terus-menerus memakai sistem "pool" untuk semua pegawai-pegawai PTD ke dalam EPU dan SERU, saya pasti walau banyak mana sarjana-sarjana ekonomi yang Kerajaan ada mutu kerja mereka tidak akan meningkat.

Tuan Pengerusi, macam mana hendak meningkat, selepas 2 tahun akan ditukar menjadi ADO padahal kelulusan setengah daripada mereka itu adalah di dalam bidang speselisasi seperti econometrics. Saya juga tahu bahawa banyak juga sarjana ekonomi Kerajaan yang meletak jawatan kerana tidak puas hati dengan sistem sebegini dan mereka terus masuk ke dalam sektor swasta dan ini

merupakan satu "braindrain", dengan izin, dari pihak Kerajaan ke swasta. Mengapa kita tidak mahu mengikut sistem di Korea, Jepun atau Taiwan. Di negara-negara maju ini ahli-ahli ekonomi Kerajaan dilingkungan ke dalam 1 atau 2 agensi perancangan dan mereka ini bekerja tetap di dalam agensi-agensi ini dengan ganjaran sewajarnya, sewajar dengan sumbangan mereka. Inilah yang dikatakan satu daripada work ethic dan nilai "profesionalisme" budaya Confucius yang kita disuruh mengambil iktibar itu. Nilai budaya yang diasaskan kepada nilai sosial Confucius yang saya maksudkan ini ialah perbuatan yang memuliakan cerdik-pandai. Mandarin-mandarin di dalam kebudayaan Jepun, Korea dan Taiwan dibela, dipupuk dan diupah untuk menelurkan idea-idea yang memajukan masyarakat. Begitu juga nilai Islam yang menggalakkan kita memuliakan para alim ulama. Mengapa kita tidak berbuat demikian?

Tuan Pengerusi, di zaman kegentingan ekonomi negara pada masa ini adalah perlu Kerajaan menukar sistem ini kepada sistem yang dibuat di tiga negara yang saya sebutkan tadi. Pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan pada kadar 3% pada tahun hadapan adalah sangat tidak menggalakkan jika dibandingkan dengan anggaran-anggaran pertumbuhan ekonomi di negara-negara jiran yang akan menjangkau kadar 6%. Kita telah menolak tuduhan bahawa krisis keyakinan adalah menjadi faktor utama menghalang kemasukan modal luar dan merangsangkan pembocoran modal dalam negara. Malah kita berbangga dengan segala kemudahan-kemudahan pelaburan yang boleh kita sediakan, tetapi kita masih belum boleh berbangga dengan kebolehan birokrasi Kerajaan mengolahkan isu-isu ekonomi dengan jelas dan "authoritative". Tiap-tiap hari kita baca dalam akhbar mengenai

kemasukan satu dua pelabur-pelabur asing hasil daripada usaha penggalakan pelaburan yang dibuat oleh MIDA dan juga para-para Menteri. Saya pasti andainya pihak MIDA dibekalkan dengan lebih banyak data dan analisa, bukan sahaja di bidang ekonomi, malah termasuk juga bidang sosiopolitik dan sosio-budaya, pelaburan akan datang mencurah-curah dengan sendirinya.

Tuan Pengerusi, saya cukup cemburu dengan kebolehan birokrasi-birokrasi Kerajaan setengah-setengah negara yang bukan sahaja berupaya menyusun statistik dan laporan descriptive ekonomi dengan baik, tetapi juga berupaya membuat analisa-analisa yang jitu mengenai keadaan-keadaan ekonomi negara masing-masing dan negara luar dengan menggunakan alat-alat penganalisa ekonomi yang termoden.

Saya lihat di negara kita, kita hanya mampu menyusun dan membuat laporan descriptive sahaja tanpa kemampuan menganalisis data-data dengan tahap yang tinggi. Walaupun kita ada MIER (Malaysian Institute of Economic Research) dan ISIS, keupayaan mereka adalah terhad disebabkan skop dan perbelanjaan yang terhad. Saya pasti ahli-ahli ekonomi dalam birokrasi Kerajaan berkemampuan tetapi malangnya mereka tidak diberi pentas untuk menunjukkan kebolehan masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga mengenai SERU sepertimana dalam Butiran yang saya sebut tadi 070000 khususnya di dalam fungsinya. Saya tahu bahawa SERU telah menghasilkan banyak kerja-kerja penyelidikan yang baik, cuma yang saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini ialah agar SERU memilih bidang-bidang yang terpenting mengikut kehendak pengagihan sumber-sumber ekonomi

negara pada masa yang genting ini. Apa yang saya maksudkan ialah di dalam strategi Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui strategi transformasi structure ekonomi patut sangatlah SERU memberi keutamaan di dalam penyelidikan ke atas sektor masyarakat yang terlibat dalam transformasi ini. Apa yang saya maksudkan di sini ialah golongan-golongan masyarakat yang sedang berpindah ke dalam sektor bukan tani, yakni sektor perkhidmatan dan pembuatan barangan. Data sosio-ekonomi mengenai golongan ini adalah kurang sekali bagi pelabur-pelabur asing mahupun pelabur-pelabur tempatan dan juga Kementerian Buruh untuk dijadikan asas perancangan masing-masing. Kita sudah pun mempunyai banyak data mengenai petani-petani iaitu petani-petani negara. Kita perlu data yang lengkap mengenai penduduk yang sedang dan akan mengalami transformasi ekonomi. Data-data ini janganlah sekadar angka-angka sahaja malah apa yang perlu ialah penganalisaan mengenai struktur sosio-ekonomi dan sosio-budaya mereka.

Tuan Pengerusi, penentuan arah kajian-kajian ekonomi dan sosio-ekonomi negara pada masa ini amatlah penting bukan sahaja untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki, tetapi juga untuk menentukan suatu penggunaan sumber kewangan Kerajaan di dalam bidang ini dibuat dengan cekap.

Tuan Pengerusi, mengenai kajian-kajian ekonomi yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi, SERU dan lain-lain lagi, saya ingin menarik perhatian tentang dengan izin, utility mereka. Kebanyakan perancangan ekonomi dibuat berasaskan data-data ekonomi semata-mata kerana data ini sahajalah yang ada. Kita harus sedar bahawa realiti ekonomi tidak wujud dengan

sendirinya, ianya wujud di dalam rangkaian realiti sosial, politik dan budaya. Pelabur-pelabur khususnya pelabur-pelabur asing mahu mengetahui secara mendalam apakah suasana sosial, apakah suasana politik dan budaya yang didokong oleh sistem ekonomi negara kita. Maklumat-maklumat yang tepat tentang kestabilan politik dan keharmonian di antara budaya-budaya kecil masyarakat kita akan lebih berkesan daripada statement daripada pemimpin-pemimpin kita yang didengar tiap-tiap hari di dalam akhbar. Kita tidak harus bimbang jikalau kepimpinan politik kita mempunyai pandangan luas dan mencakup segala aspirasi rakyat, berdasarkan perjanjian-perjanjian awal di antara kaum yang termaktub di dalam Perlembagaan kita. Kajian-kajian sokongan kepada kajian-kajian ekonomi inilah yang akan memberi kefahaman kepada bukan sahaja pelabur-pelabur asing malah juga kepada pemimpin-pemimpin politik tanahair. Kefahaman yang mendalam mengenai hakikat keseluruhan masyarakat Malaysia yang unik ini di kalangan kepimpinan politik akan menentukan tidak berlakunya apa yang terjadi kebelakangan ini sehingga imej negara kita sebagai satu bangsa Malaysia yang boleh hidup dengan aman terjejas lagi sekali di mata dunia.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menarik perhatian Dewan kepada Maksud P.7 Butiran 00400, Pembangunan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 3 minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: di bawah Pembangunan Masyarakat iaitu Butiran Hasil 01—Projek-projek Kecil Pembangunan Luar Bandar, muka surat 34 yang berjumlah \$1½ juta.

Kebanyakan projek-projek ini adalah tertumpu kepada kemudahan-kemudahan prasarana asas.

Saya ingin bertanya, apakah pengagihan yang dibuat mengikut tahap kehendak sesuatu kawasan luar bandar? Di negara kita masih banyak kawasan desa yang masih lagi ketiadaan kemudahan-kemudahan yang paling asas seperti air minum.

Kawasan saya iaitu kawasan Padang Terap, satu daerah yang dianggap oleh SERU sebagai daerah yang paling miskin di negara ini masih ada banyak kampung-kampung yang tidak mempunyai bekalan air minum yang senang didapati dan bersih.

Saya harap pihak Kerajaan cuba menyelesaikan masalah sosial yang paling asas ini demi keadilan.

Kita selalu menidak-nidakkan wujudnya kemiskinan mutlak atau absolute poverty di negara kita ini. Erti kemiskinan mutlak Tuan Pengerusi, ialah ketiadaan upaya badan manusia itu berfungsi pada tahap yang membolehkan kehidupan yang selesa. Kalau seseorang manusia itu tiap-tiap hari meminum air yang mengandungi parasit dan najis-najis organik, bagaimanakah fungsi badannya dapat berfungsi pada tahap yang selesa. Jikalau badan tidak boleh berfungsi dengan selesa produktiviti tenaga buruhnya akan terjejas, justeru itu pendapatannya juga akan terjejas. Inilah yang dikatakan kemiskinan mutlak yakni konsep yang didefinisikan mengikut takrif fisiologi sebagai permulaannya.

Adalah bahaya bagi kita mengatakan tidak ada kemiskinan mutlak di kalangan rakyat kita dengan hanya berasaskan kepada pendapatan tunai. Di dalam zaman subsidi ini, pendapatan tunai khususnya di kalangan kaum tani mempunyai unsur-unsur artificial, ianya tidak membayangkan keupayaan sebenar

mengenai produktiviti tenaga buruh dan harga pasaran hasil yang sebenar. Oleh itu adalah wajar unit-unit yang berkenaan menjalankan kajian dan perancangan masing-masing berasaskan realiti, bukan sepekulasi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Maksud Pembangunan P.7, muka surat 35, Butiran 020000—Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM) yang diperuntukkan sebanyak \$12.2 juta, secara langsung dan pinjaman sebanyak \$300 juta pada tahun 1988.

Penubuhan HICOM adalah satu langkah yang baik untuk menerajui pembangunan sektor industri negara, tetapi jikalau penubuhannya semata-mata untuk mewujudkan industri berat yang kapital intensif sebagai lambang perindustrian sahaja, maka usaha kita akan gagal. Saya pasti itu bukanlah objektif Kerajaan, keupayaan HICOM membawa pembangunan industri di negara ini boleh diukur di dalam kejayaannya di dalam dua bidang:

- (a) mewujudkan rangkaian feeder industries atau industri-industri sokongan yang luas di kalangan pihak swasta negara ini untuk membekalkan bahagian-bahagian barangan dan bahan-bahan pengeluaran kepada industri-industri berat yang diceburinya seperti Syarikat PROTON, kilang simen, kilang besiwaja dan lain-lain;
- (b) memasuki bidang pembuatan capital goods atau mesin-mesin yang mengeluarkan mesin-mesin lain. Di dalam usaha mengeluarkan kereta PROTON, nisbah bahagian-bahagian kereta ini yang diimport dari Jepun masih lagi tinggi. Saya ingin tahu pada tahun berapakah boleh kita

banggakan bahawa kereta-kereta PROTON 100% dibuat di Malaysia?

Mengenai feeder industries untuk pengeluaran kereta PROTON ini apa yang kita kekurangan keupayaan ialah teknologi, kita tidak berkurangan bahan-bahan mentah daripada jerami dan sekam padi, sabut kelapa, kaca sehingga besi keluli dan timah yang semuanya menjadi bahan pembuatan kereta ini. HICOM sebagai.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, gulungkan.

Dato" Dr Affifudin bin Haji Omar: Lagi setengah minit, sudah hendak habis, Tuan Pengerusi.

HICOM sebagai toadan Kerajaan mesti menggalakkan pertumbuhan "feeder industries" ini di kalangan pihak swasta. Teknologi boleh diimport. Satu hari nanti kita mahu lihat sekam dan jerami padi menjadi pengalas pintu kereta Proton, sabut kelapa menjadi pengalas tempat duduk dan cerminnya dikeluarkan dari silica yang banyak terdapat di wilayah-wilayah miskin di negara ini.

Akhir kata, mengenai pembuatan "capital goods", saya mencadangkan HICOM merintis jalan ke arah ini kerana pada masa ini kita masih lagi bergantung kepada negara-negara asing untuk mendapatkan mesin pengeluar barang-barang yang simple sekalipun. Andainya mesin-mesin pengeluaran minyak sawit, barang-barang getah, pembuatan makanan dari koko, nanas dan lain-lain dikeluarkan dahulu dari negara kita, saya pasti kos-kos pengeluaran barangan yang sedang kita eksport ini akan turun. Justeru itu, kebolehan kita bersaing dengan pengeluar asing akan meningkat dan pertumbuhan industri kita akan melonjak berlipat ganda. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa ucapan tadi oleh Yang Berhormat dari Padang Terap pada pandangan saya ialah contoh yang baik menunjuk bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat harus membahaskan dalam Jawatankuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 66. (*Tepuk*)

Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.01 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud Kepala B.6, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Butiran 040000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat, Yang Berhormat?

Dr Goh Cheng Teik: Muka surat 28, Butiran 040000, Naik Pangkat dan Tatatertib, saya menyokong peruntukan yang dipohonkan. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran merupakan satu badan yang profesional dengan mutu yang tinggi sekali. Pengerusi sekarang pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan sebelum bersara dari perkhidmatan Kerajaan. Ahli-ahli yang lain pun mempunyai pengalaman yang lama dan panjang dalam pentadbiran negara ini.

Hanya satu perkara sahaja saya ingin menyentuh tentang kegiatan Suruhanjaya ini, iaitu perlantikan beberapa guru yang tidak begitu fasih dalam Bahasa Cina untuk bertugas sebagai guru besar atau penolong kanan di beberapa sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, termasuk Sekolah Keng Koon dan Sekolah Boon Beng di kawasan Parlimen saya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi. saya tidak bertujuan berpolitik. Sebaliknya, dengan hati jujur dan ikhlas, saya menyeru kepada Suruhanjaya ini supaya hanya melantik guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Malaysia untuk mentadbirkan sekolah-sekolah kebangsaan, guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Tamil untuk mentadbirkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Cina untuk mentadbirkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina.

Amalan ini memang logik, Tuan Pengerusi. Kerajaan mencari seorang doktor untuk mentadbirkan Jabatan Kesihatan, bukan seorang jurutera atau peguam. Kalau tidak, orang sakit takut datang ke rumah sakit atau klinik untuk mendapat rawatan. Sebaliknya, Kerajaan mencari seorang jurutera untuk mentadbirkan Jabatan Kerjaraya, bukan seorang doktor atau peguam. Kalau tidak, kenderaan berat tidak berani memakai jambatan yang dibina oleh Jabatan Kerjaraya, takut jambatan meruntuh dan semua tenggelam dalam sungai. Begitu juga dengan sekolah, kalau saya seorang yang dididik dalam Bahasa Inggeris, menjadi guru besar sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina, saya tentu tidak dapat mentadbirkan dengan memuaskan, kerana saya tidak pandai membaca apa yang diterbit dalam buku teks yang digunakan oleh murid atau apa yang dicatatkan dalam buku rekod yang disimpan oleh guru.

Tuan Pengerusi, saya sedar akan kesulitan yang dihadapi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dalam mengisikan kekosongan-kekosongan di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baru-baru ini dan saya bersimpati dengan Tan Sri Dato Osman Malik serta rakan-rakannya. Walau bagaimanapun, saya berdoa kepada Tuhan agar mereka akan menggunakan budi bicara mereka

untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit dengan secepat yang mungkin.

Merujuk kepada Maksud Kepala B.12, Jabatan Perpaduan Negara, Butiran 030000, Perhubungan Masyarakat, saya juga menyokong peruntukan yang dipohonkan. Jabatan Perpaduan Negara selalunya memainkan peranan yang positif untuk mencapai lebih persefahaman antara kaum dan mengurangkan ketegangan sosial yang masih berada. Saya ucap syabas kepada Menteri yang bertanggungjawab serta kakitangannya. Di samping itu, saya juga menyeru kepada Jabatan ini supaya meningkatkan usaha perpaduannya.

Pada masa terakhir ini, hubungan kaum telah merosot banyak akibat daripada kontroversi-kontroversi politik yang telah berbangkit. Betul, tiada nyawa terhilang dan tiada orang tercedera, tetapi hati rakyat kita, hati orang Melayu, hati orang Cina, hati orang India dan lain-lain, telah dilukai oleh perkataan-perkataan kasar yang telah dilemparkan. Dengan hati yang suci, marilah kita bergotong-royong mengubati luka-luka hati negara kita. Seperti Abraham Lincoln pernah berkata, dengan izin, "With malice towards none; with charity for all, let us strive on to finish the work we are in; to bind up the nation's wounds".

Di Dewan ini, Tuan Pengerusi, saya sudah beberapa kali berkata bahawa orang Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain merupakan adik-beradik dalam satu keluarga yang sama. Mengikut ajaran Islam, kita semua adalah anak cucu Nabi Adam. Pergaduhan tidak menguntungkan sesiapa pun, terutama sekali pada zaman kemelesetan ekonomi dan pengangguran masa ini. Masa dan tenaga kita patutlah digunakan sepenuhnya untuk mengatasi kesulitan ekonomi yang serius yang dihadapi

oleh semua golongan. Dengan adanya kasih sayang persaudaraan, kita tentu boleh bermusyawarah ketika berlakunya perselisihan faham, dan akhir sekali, mencapai persetujuan dan kemuafakatan.

Tuan Pengerusi, saya memohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh.

4.09 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasek Chenderoh); Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pada B.1 Urusan Parlimen, muka surat 23, 010000.

Tuan Pengerusi, dengan perasaan yang ikhlas saya ingin menyatakan rasa kesal saya kerana seringkali anggota-anggota Dewan ini diburu oleh loceng Parlimen kerana tidak cukup kuorum semasa Dewan sedang bersidang. Sebenarnya, bagi kita anggota Parlimen, sama ada ianya seorang Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, ahli-ahli back-bencher atau penyokong Kerajaan dan Pembangkang adalah mempunyai peranan yang sama. Pisau ada di tangan kita, timun pun ada di tangan kita, terpulanglah kepada kita untuk memotongnya mengikut selera kita semua.

Saya berharap tidak ada seorang pun daripada anggota Parlimen ini walau apa pun kedudukannya merasakan mereka lebih istimewa iaitu mereka datang umpamanya, kalau seorang Menteri kerana hendak menjawab soalan, kalau seorang back-bencher kerana hendak buat ucapan. Selepas itu mereka keluar.

Ini adalah satu sikap yang seharusnya tidak wujud kepada kita yang sudah dianugerahkan oleh Allah sebagai pemimpin sama ada kecil ataupun besar. Apa yang lebih

mendukacitakan saya, sikap ahli-ahli Pembangkang di sebelah saya, mereka ini seringkali kononnya hendak menghormati Dewan, menjaga tata tertib Dewan, tetapi mereka inilah kebanyakannya yang selalu melanggar Peraturan-peraturan Parlimen (*Tepuk*) melanggar perintah-perintah Tuan Yang di-Pertua atau Tuan Pengerusi.

Dari catatan sejarah peristiwa yang berlaku ini dari kalangan manakah yang pernah dibicarakan di hadapan kita, siapakah yang kena perintah keluar daripada Dewan ini? Inilah kumpulannya—kumpulan Pembangkang.

Perkara yang lebih anih lagi, peraturan Parlimen telah membenarkan bahawa Ahli Parlimen diberi elaun dan sebagainya tetapi kemudahan ini mereka tak membantah. Satu perkara yang mereka bantah, yang tidak sepatutnya iaitu pakaian seragam.

Apakah dengan memakai pakaian seragam boleh jatuh status sebagai ahli Pembangkang? Bukankah lebih mencantikkan lagi, meninggikan lagi imej Parlimen ini kalau masyarakat di luar Parlimen ini melihat bahawa di dalam Parlimen ini ada perpaduan, hanya mereka bertentangan pendapat sahaja, dari segi hendak menjaga imej Dewan yang mulia ini, mereka mempunyai kata sepakat. Tak kira dia Pembangkang ataupun tidak, pakaiannya sama. Tetapi ahli-ahli Pembangkang cukup degil, bukan sahaja di Parlimen, malahan di mana-mana Dewan Negeri. Tetapi mereka mendakwa hendak menjaga imej Parlimen. Cakap tak serupa bikin. Ini teringat saya masa muda-muda dahulu, minta maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masih muda lagi, Yang Berhormat!

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan Butiran 05000 Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, muka surat 32.

Tuan Pengerusi. kesan dari kebangkitan Islam di seluruh dunia, kita lihat kegiatan badan-badan dakwah di serata dunia telah bergerak dengan cergas, tidak terkecuali di Malaysia ini. Di Malaysia ini, di antara badan-badan yang popular ialah PERKIM, ARQAM, ABIM, TABLIGH dan ada yang lain yang saya tidak tahu namanya. Jika dilihat dari segi pandangan umum, ini adalah satu pertanda yang baik. Tetapi jika kita menyelam ke dalam badan-badan itu, berbagai-bagai peristiwa dan keadaan yang bercanggah antara satu sama lain.

Misalnya, orang-orang TABLIGH, satu daripada kaedah dakwah mereka iaitu beribadat di masjid, berpindah-randah, ke hulu ke hilir dari satu masjid ke satu masjid, bawa periuk belanga dan sebagainya. Apabila sampai di kampung, mereka datang menjemput, "Assalamualaikum, tuan diminta datang ke masjid. Kebetulan pula rumah saya di tepi masjid dan saya bukanlah hendak mengangkat diri, memang setiap waktu saya hadir ke masjid itu, tiap-tiap waktu. Apabila mereka datang itu terasa tersinggung seolah-olah saya tak pernah pergi ke masjid. Saya tersinggung dijemput datang ke masjid. Pada masa itu datanglah hasutan syaitan: Saya kata, awak macam mana anggapkan saya ini? Saya boleh jadi imam masjid, saya selalu pergi ke sana. Jadi, itulah keadaan, cara dan kaedahnya. Oleh sebab itu, saya ringkaskan, saya harapkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Agama Islam ini hendaklah memikirkan masalah ini supaya dapat diselaraskan dengan gerakan yang bersepadu.

Saya mencadangkan kalau boleh sebuah badan dakwah di peringkat negara hendaklah ditubuhkan. Badan ini hendaklah berfungsi sebagai satu tempat rujukan dan anggota-anggotanya hendaklah terdiri daripada kumpulan-kumpulan dakwah ini. Mereka itu hendaklah dibawa berunding dan mencari persefahaman dan diadakan garis panduan bagaimana cara-cara dakwah hendak dijalankan supaya dengan gerakan yang bersepadu itu dan dengan adanya penyelarasan itu tidaklah mengelirukan kefahaman umat Islam, khususnya di dalam bahagian akidah. Dan kita tahu badan-badan dakwah itu sudah pastilah memerlukan perbelanjaan yang besar kalau kita hendak menjalankan kegiatan dakwah yang berkesan.

Oleh sebab itu, sebagaimana kita tahu sekarang ini sama ada PERKIM, TABLIGH ataupun ARQAM, walaupun mereka mempunyai program-program yang tertentu untuk dilaksanakan tetapi mereka tidak mempunyai kewangan yang cukup. Kadangkala program-program itu terpaksa ditangguhkan. Ini akan menjejaskan usaha gerakan dakwah yang saya rasa sangat perlu sekarang ini kerana wujudnya beberapa ajaran sesat yang berleluasa di negara kita.

Oleh yang demikian, selain daripada Kerajaan menubuhkan satu badan dakwah di peringkat negara yang boleh bertugas untuk menyelaraskan badan dakwah yang ada di samping membuat program-program yang boleh menjamin supaya kegiatan ajaran sesat di negara ini dapat dibanteras sama sekali.

Di samping itu, satu tabung dakwah patutlah diadakan dan kita boleh minta Kerajaan-kerajaan Negeri menerusi Jabatan-jabatan Agamanya untuk membantu tabung ini dengan bantuan yang tetap, di samping usaha-usaha mendapatkan derma daripada

pihak yang lain dapat kita jalankan dan Tabung ini bolehlah dapat memberikan sedikit sebanyak bantuan-bantuan kepada mana-mana badan dakwah yang sudah dikenalpasti yang sesuai dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh badan dakwah di peringkat negara tadi. Mana-mana badan dakwah yang tidak mahu mengikuti garis panduan itu tidak perlu diberikan apa-apa bantuan atau sumbangan. Di samping itu terdapat juga saudara-saudara baru yang kadangkala menghadapi masalah kehidupannya sendiri.

Saya rasa, dengan adanya Tabung Dakwah ini akan dapatlah membantu kehidupan mereka buat sementara untuk mendapat sumber-sumber pekerjaan yang lain supaya dapat mengukuhkan lagi iman dan ketaatan mereka dan ajaran Islam.

Perkara yang ketiga suka saya sentuh mengenai B.7, Butiran 010000 Pentadbiran, muka surat 31.

Saya tertarik dengan kecaman yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya ingat dia hadir, tetapi malangnya dia tidak ada di sebelah saya ini. Semalam dia telah mengecam dengan hebat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kerana katanya apabila dilihat daripada buku "Program dan Prestasi" bahawa kedua-dua pemimpin kita ini membuat kunjungan sebanyak 30 kali dalam tempoh 3 tahun. Dia begitu kesal kerana ini akan menghabiskan wang negara. Tetapi walau bagaimanapun ada satu ayat yang dia sebut—dia bersetuju jika ada masa-masa yang periu. Malangnya, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini tidak mengikuti perkembangan di negara kita ini.

Mengapa pada tahun 1986, tahun 1987 dan 1988 pemimpin-pemimpin kita banyak ke luar negeri? Kerana pada tahun 1985 keadaan

pertumbuhan ekonomi di negara kita ini adalah terlalu teruk 0.5%. Oleh sebab itu pemimpin-pemimpin ini sedar adakah dengan keadaan ekonomi yang begitu merosot mereka masih mahu duduk di pejabat seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini atau duduk di rumah. Mereka mesti mencari sesuatu untuk memperbaiki keadaan ekonomi negara yang sudah agak teruk. Kerana Tuhan telah berfirman di dalam Al-Ouran dengan maksud "bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib satu-satu kaum itu selagi kaum itu sendiri tidak berusaha untuk mengubahkannya". Berdasarkan ayat inilah, roh Islam, inilah langkah yang dibuat oleh pemimpin negara kita. Apakah salahnya? Sepatutnya Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa memberi tahniah atas inisiatif yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara kita yang sanggup meninggalkan anak isteri kerana semata-mata hendak berkhidmat kepada negara dan bangsa iaitu membuat kunjungan ke luar negeri supaya dapat mengadakan hubungan dengan lain-lain negara dalam konteks perdagangan dua hala di samping meneruskan amalan dasar perdagangan berbagai hala.

Kerana Pepatah Melayu mengatakan "Yang bulat tidak akan datang bergolek, dan yang pipih tidak akan datang melayang". Selagi pemimpin kita berpeluk tubuh di negara sendiri melaung-laung, menjerit dunia supaya menolongnya sampai bila pun dia tidak datang. Tetapi kalau orang-orang Pengkalan Chepa khasnya PAS barangkali begitulah keadaannya. Dia tidak akan berani hendak ke luar negeri, dia berharap orang yang datang. Mana ada hujan emas turun dari langit, mesti kita berusaha. Jadi saya rasa langkah yang diambil oleh pemimpin-pemimpin kita itu patutlah dipuji

bukan dikeji. Kerana kita telah nampak kesan-kesannya. Bukan senang buat lawatan ke luar negeri, bukan seperti Wakil-wakil Rakyat melawat kawasan. Dia boleh buat program sendiri. Tetapi bila Perdana Menteri, Ketua Kerajaan kita melawat ke luar negeri ada dikawal dengan program-program yang tetap, program-program yang penuh. Bagaimana Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu boleh menaruh prasangka yang bukan-bukan kerana banyak ke luar negeri ini, titik-titik-titik yang tersirat, tetapi saya dapat faham orang politik ini "terkilat ikan di sungai, sudah tahu jantan betinanya". Dia tuduh yang bukan-bukan. Malangnya dia tidak ada di sini, saya ingat dia ada.

Jadi inilah, Tuan Pengerusi, pada saya, saya harap lebih banyak lagi mereka ini dapat membuat kunjungan ke luar negeri. Bukan senang kerana kita menghadapi persaingan yang hebat dengan lain-lain negara untuk membawa masuk pelabur-pelabur ke negara kita.

Barangkali dengan sikap bersopan santun, sikap hormat menghormati, membuat kunjung mengunjung ini akan terbukalah hendaknya hati negara-negara lain untuk datang ke negara kita membawa sebanyak mungkin modal mereka melabur di negara kita ini. Maka dengan banyaknya pelaburan-pelaburan yang dilaburkan di negara kita ini banyaklah masalah negara yang akan dapat kita atasi di masa yang akan datang seperti masalah pengangguran yang kian meningkat. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kadar pengangguran kita sernakin meningkat. Maka dengan banyaknya pelaburan yang masuk ke negeri kita ini masalah ini, insya Allah, boleh kita atasi. Tetapi kalau kita ikut idea atau pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, lingkup negara kita

ini. Dia tidak beri pemimpin keluar negeri ini, suruhnya duduk di sini sahaja.

Jadi, dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Tasek Gelugor.

4.26 ptg.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff (Tasek Gelugor): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian pada hari ini.

Saya ingin bercakap menyentuh Maksud B.7, muka surat 32, Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran 050000, Aktiviti Bahagian Hal Ehwal Islam.

Tuan Pengerusi, saya turut terperanjat melihat peruntukan atau anggaran bagi Bahagian ini bagi tahun 1988 iaitu \$18.4 juta sedangkan bagi tahun 1987 \$19.4 juta. Adakah ini bermakna aktiviti keagamaan Bahagian ini semakin berkurangan. Kita semua maklum bahawa akhir-akhir ini umat Islam semakin tercabar, dugaan dan ujian semakin berat, begitu juga masalah kejahilan ummah mengenai Islam masih tebal.

Sebagai rumusannya, masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam di negara ini sekurang-kurangnya kita boleh rumuskan kepada tiga perkara berikut:

- (i) kegiatan penyebaran agama Kristian;
- (ii) penyalahgunaan najis dadah di kalangan orang Islam; dan
- (iii) perkembangan tahaman-fahaman dan mazhab-mazhab Islam yang tidak sesuai dengan pegangan umat Islam di negara kita terutamanya mazhab Syiah.

Tuan Pengerusi, ancaman-ancaman yang saya sebutkan di atas tadi mestilah diambil perhatian yang berat dan serius oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tasek Gelugor, duduk sebentar. Ada apa Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya rasa tidak cukup koram.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): 22, bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir.*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tasek Gelugor, teruskan.

Tuan Mohamed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Pengerusi, ancaman-ancaman yang saya sebutkan di atas tadi mestilah diambil perhatian berat dan serius oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri dan mestilah dibanteras demi kepentingan umat Islam yang telah meletakkan Islam sebagai asas, sebagai identiti orang Melayu dalam Perlembagaan dan Islam termaktub sebagai Agama Rasmi negara. Juga termaktub di dalam Perlembagaan Parti UMNO sendiri sebagai satu asas perjuangan dan UMNO memegang teraju pemerintahan.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini suka saya mencadangkan supaya YADIM (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia) dapat memainkan peranan yang sebaik-baiknya untuk menghadapi cabaran-cabaran yang disebutkan di atas, tetapi saya mendapat tahu bahawa peruntukan

kepada YADIM ini begitu kecil. Saya mengharapkan agar pihak yang berkenaan dapat menambahkan peruntukan kepadanya. Begitu juga saya menyeru kepada Jawatankuasa Kemajuan Agama Islam Malaysia supaya sama-sama dapat memainkan peranan memelihara dan meninggikan syiar Islam di negara ini.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang suka saya menyentuh dan menyuarakan kepada Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri juga ialah supaya menyedari suatu hakikat yang pahit yang wujud di kalangan umat Islam. Di dalam masyarakat Islam di negara ini ialah masalah perpecahan ummah. Kita meletakkan lambang Islam sebagai asas perpaduan ummah, tetapi akhir-akhir ini menjadi sebaliknya, kita berpecah. Ini bermakna kita sudah melanggar perintah Allah subhanahu-wa taala dalam ayat Al-Quran, dalam surah Ali-Imran, ayat 105 yang berbunyi, dengan izin:

"Wala takuunu kallaziina tafarraqu wakhtalatu min ba'di maajaa ahumul baiinat, wa ula ikalahum 'azaabun 'adzim".

Yang bermaksud, "Janganlah kamu menjadi seperti orang-orang Yahudi dan Nasara yang telah bercerai-berai dan berselisih dalam agama mereka sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas dan nyata yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah dan mereka yang bersifat demikian akan beroleh azab siksa yang besar".

Tuan Pengerusi, kepada siapakah yang kita dapat mengharapkan supaya dapat membela dan mempertahankan maruah bangsa dan negara? Tentulah jawabnya kepada diri kita sendiri. Kepada setiap orang yang tidak mahu melihat dan mendengar bangsanya dihina orang. Untuk itu, saya ingin berterus-terang di dalam Dewan yang mulia ini menyeru umat Islam

seluruhnya yang suka berpuak-puak atau berpecah-belah sama ada dalam bentuk ideologi politik atau di dalam satu ideologi tetapi berpecah pula dalam kumpulan-kumpulan atau di dalam sama-sama badan dakwah sepertimana disebut oleh Wakil dari Tasek Chenderoh tadi, bermacam pertubuhan diwujudkan di negara ini supaya bersatu-padu kerana bersatu-padu itu teguh, bercerai itu roboh. Untuk itu, Tuan Pengerusi, kita menyerahkan peranan ini kepada Bahagian Hal Ehwal Islam dan juga di bawahnya ada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia yang dapat memainkan peranan menyelaraskan semua badan-badan dakwah yang wujud di negara ini. Dengan menubuhkan satu badan dakwah induk di peringkat negara sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh tadi.

Juga saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya diwujudkan satu muzakarah perpaduan ummah demi untuk menyahut seruan Allah subhanahu wataala dalam ayat 103 dan 104 dalam surah Ali-Imran di mana firman Allah berbunyi:

"Wa'tasimu bihablillaahi jamiia' wala tafarroqu, wazkuru ni'matallahi alaikum izkuntum a'daan faalla fabaina quluubikum faasbahtum bini'matihi ikhwaana, wakuntum 'ala syafa hufratim minnaari faan khazakum minha, kazaalika yubaiinullaahu lakum aayaatihi la'allakum tahtadun. (Ali-Imran 103)

"Waltakum minkum ummatun yaduuna ilalkhoiri wayakmuruuna bilma'ruufi wayanhauna a'nilmunkari wa ulaaika humulmuflihun". (AH-Imran 104)

Yang bermaksud "Berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah, yakni agama Islam dan janganlah kamu bercerai-berai dan

kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan semasa jahiliah dahulu lalu Allah menyatukan di antara hati kamu sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulunya berada di tepi jurang neraka disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu disebabkan nikmat Islam juga, demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya supaya kamu mendapat petunjuk dan hidayatnya. Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, yakni mengembangkan Islam dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala perkara yang salah atau buruk dan keji dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".

Tuan Pengerusi untuk metaksakan perintah-perintah Allah yang saya sebutkan di atas itu, saya menyeru supaya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam memperbanyakkan pegawai-pegawai dakwahnya dan juga memperbanyakkan kursus-kursus dakwah Islamiah kepada pemimpin-pemimpin politik UMNO sendiri dan kepada ketua-ketua jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan juga daripada swasta agar ajaran Islam itu dapat difahami sebaik-baiknya oleh seluruh masyarakat Islam sehingga diyakini benar-benar bahawa cara hidup Islam inilah sebenarnya yang dapat menjamin keselamatan, ketenteraman dan keharmonian hidup dunia dan akhirat.

Tuan Pengerusi, saya akhiri perbincangan ini dengan meminta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri agar beliau sudi memberi komen atau mengulas terhadap satu resolusi di seminar pemikiran Islam yang baru diadakan

di Universiti Malaya yang berakhir pada 9hb November, 1987 di mana resolusi itu antara lain telah menyebut dan berbunyi "selain daripada kejahilan ummah, cabaran terbesar yang dihadapi oleh gerakan Islam ialah keengganan pemerintah sendiri untuk menerima Islam secara yang menyeluruh". Mengapa rumusan seperti itu dibuat? Pada pandangan saya, perkara ini wajarlah diambil perhatian yang berat, yang serius oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri dan berusaha mencari jalan dan menyelesaikan masalah yang dikemukakan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong dan mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Labuan.

4.37 ptg.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit (Labuan): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Maksud Bekalan 7, muka surat 33, Butiran 120000 di bawah Program Bahagian Wilayah Persekutuan (termasuk Labuan). Untuk ini saya ingin merujuk buku Program dan Prestasi 1988 muka surat 327. Tujuan program Bahagian Wilayah Persekutuan ialah merancang, menyelaras dan menentukan polisi pentadbiran dan pembangunan di Wilayah Persekutuan supaya lebih kemas dan teratur selaras dengan dasar dan matlamat Kerajaan. Semenjak Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan yang kedua di Malaysia, Majlis Perbandaran Labuan tidak pernah diberikan peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan fungsinya sebagai sebuah Majlis Perbandaran yang efficient, dengan izin.

Saya dapati bantuan dan geran yang diberikan hanyalah sebanyak \$870,329 pada tahun 1984; \$538,340 pada tahun

1985; \$1,321,240 pada 1986 dan berkurangan pada tahun 1987 iaitu \$1,250,000 sahaja. Anggaran peruntukan 1988 bagi Bahagian ini juga menurun dan ini bermakna pengagihan bagi MPL juga akan berkurangan. Oleh kerana kurangan peruntukan maka Majlis Perbandaran Labuan tidak berupaya untuk menjalankan tugas-tugasnya, apatah lagi untuk mengusahakan projek-projek pembangunan. Situasi ini lebih rumit lagi apabila hasil dari kutipan cukai dan pembayaran lesen terus menurun yang disebabkan oleh kelembapan ekonomi, sedangkan kos pengangguran dan pengendalian Majlis semakin meningkat. Ketiadaan kewangan yang mencukupi menyebabkan MPL atau Majlis Perbandaran Labuan tidak dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan mencukupi kepada penduduk di Labuan. Di antaranya perkhidmatan kutipan sampah sarap hanya dapat dijalankan seminggu sekali. Malah ada yang hanya mendapat perkhidmatan setiap dua minggu sekali. Ini jelas membahayakan kesihatan kepada penduduk di kawasan berkenaan. Kerja pembersihan dan pengendalian tempat permainan di sekitar kawasan perumahan di bawah bidangkuasa MPL juga tidak dapat dijalankan sedangkan penghuni perumahan berkenaan telah membayar cukai dan assessment yang dikenakan.

Kerja-kerja pembersihan longkang dan parit juga tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya, malah kerja pembersihan rumput-rumpai di tepi jalan juga tidak dapat dijalankan sekerap yang diperlukan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menegur semasa lawatan beliau ke Pulau itu 3 bulan yang lepas "kenapa rumput di tepi jalan dari bandar ke lapangan terbang panjang tidak dibersihkan". Jawapannya senang sahaja, kami di Labuan tidak larat

atau tidak mampu hendak bergotong-royong setiap bulan untuk membantu MPL membersihkan rumput di sepanjang jalan.

Tuan Pengerusi, peruntukan untuk mencantikkan bandar haruslah dipertingkatkan lagi dari \$150,000 setahun yang ada sekarang. Kedudukan geografilal Labuan sebagai sebuah pulau di Laut China Selatan mempunyai humidity dan suhu kepanasan yang tinggi terutamanya di kawasan bandar. Dengan membanyakkan penanaman pokok-pokok yang bersesuaian, ini bukan sahaja dapat memberikan keselesaan malah akan dapat mencantikkan lagi keindahan bandar dan ini hanya akan dapat dicapai sekiranya MPL dapat peruntukan yang mencukupi.

Tuan Pengerusi, menyentuh serba sedikit berkenaan dengan pembayaran cukai perniagaan, saya ingin menyeru supaya bayaran lesen berkenaan yang diseragamkan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat dikuatkuasakan di Labuan dengan secepat mungkin. Pengumuman berkenaan dengan penurunan di antara 30% hingga 60% dari kadar yang ada sekarang telah dibuat oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan tahun lepas. Tetapi sehingga hari ini ianya tidak dapat diimplementasikan kerana belum diwartakan. Di sini saya ingin bertanya berapa lamakah proses pengwartaan ini baru dapat diluluskan?

Oleh itu, saya ingin menarik perhatian Dewan ini supaya di masa-masa akan datang pengumuman seperti ini seharusnya tidak dibuat sekiranya penguatkuasaannya tidak dapat dijalankan dalam tempoh masa yang boleh diterima oleh orang-orang yang terlibat kerana situasi ini boleh mendatangkan "backiire", dengan izin, ke atas credibility dan kepercayaan kepada orang-orang yang membuat pengumuman tersebut dan

ini boleh dieksploitasi sebagai isu-isu politik oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, mengenai sistem pentadbiran Majlis Perbandaran Labuan, ianya masih mengikut Akta Kerajaan Tempatan Sabah, 1961 dan krisis ahli-ahli Majlis Perbandaran Labuan baru-baru ini di mana undi tidak percaya telah dikemukakan kepada Presiden Majlis Perbandaran Labuan yang merupakan salah satu kelemahan sistem ini. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976 garis panduan untuk perlantikan ahli-ahli Majlis adalah terdiri dari orang-orang atau golongan seperti berikut, saya bacakan:

- (a) bermastautin dalam kawasan penguatkuasa tempatan;
- (b) mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan;
- (c) memperoleh kejayaan terpuji dalam satu profesion, perdagangan atau perindustrian; dan
- (d) mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan Sabah, 1961 garis panduan untuk perlantikan ahli-ahli Majlis adalah seperti berikut:

- (a) warganegara yang berumur lebih dari 21 tahun;
- (b) penduduk biasa negeri Sabah 10 tahun sebelum perlantikan menjadi ahli;
- (c) bermastautin atau bekerja di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (d) bermastautin atau bekerja di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan sekurang-kurangnya 12 bulan pada masa perlantikan ahli-ahli.

Tuan Pengerusi, kelayakan atau kelulusan ahli-ahli Majlis yang dilantik sepatutnya mempunyai kelulusan atau kelayakan yang tertentu untuk mereka memainkan peranan yang telah dipertanggungjawabkan dengan berkesan adalah menjadi satu masalah. Ketiadaan kelulusan atau kelayakan menimbulkan berbagai masalah dan kesan yang negatif seperti tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan merumitkan mereka menjalankan tugas dalam mengubah dasar dan membuat keputusan.

Yang kedua, perlantikan dari ahli-ahli politik seperti yang wujud di MPL di mana kebanyakan ahli-ahli politik dilantik merupakan ahli-ahli politik tempatan yang tidak berpengalaman dan berpengetahuan dalam selok-belok sistem Kerajaan Tempatan serta mereka memberi keutamaan dan kepentingan sendiri daripada kepentingan umum.

Saya mencadangkan supaya sistem ini dikaji semula, kalau sesuai sistem Councilor yang ada sekarang ditukarkan ke sistem Advisory Board, dengan izin, ataupun gabungan kedua-dua sistem Councilor dan Advisory Board diwujudkan sekiranya didapati sesuai untuk diimplemantasikan di Labuan. Sistem Penasihat atau Advisory Board ini ahli-ahlinya hendaklah terdiri dari orang-orang yang profesional seperti peguam, arkitek, engineer, economist, doktor dan lain-lain yang pakar dalam bidang masing-masing. Wakil-wakil daripada Dewan Perniagaan serta wakil daripada parti-parti politik hendaklah juga dijemput. Panel ini hendaklah bebas dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Presiden Majlis Perbandaran. Panel ini juga hendaklah mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh untuk membincangkan perkara-perkara dan hal ehwal dalam bidangkuasa Majlis Perbandaran dan memberi nasihat kepada Presiden Majlis tentang

projek-projek yang hendak dijalankan oleh Majlis Perbandaran. Ini akan menjimatkan masa dan akan lebih berkesan daripada sistem yang ada sekarang.

Kekurangan kekerapan mengadakan mesyuarat dan adanya krisis di antara Presiden dan ahli-ahli Majlis menyebabkan beberapa perkara-perkara penting atau yang mendesak terpaksa ditangguhkan sementara menanti keputusan mesyuarat. Kadangkala terdapat juga keadaan di mana Presiden Majlis Perbandaran terpaksa membuat keputusan sendiri ke atas perkara penting tanpa kelulusan ahli-ahli Majlis ataupun perkara-perkara yang belum diluluskan dalam Majlis. Ini bukan sahaja menimbulkan masalah di kalangan ahli-ahli tetapi juga akan melemahkan jentera pentadbiran Majlis Perbandaran Labuan. Akibatnya sipembayar cukai yang akan menerima perkhidmatan yang tidak efficient.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Maksud yang sama, muka surat 33, Butiran 130000, Program Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan (Termasuk Labuan). Saya ingin merujuk kepada buku Program dan Prestasi 1988, muka surat 329, Tujuan Program (i) ialah untuk mengadakan satu sistem pengurusan tanah yang cekap dan berkesan.

Kita memperakui bahawa Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan di Labuan baru diwujudkan setelah menjadi Wilayah Persekutuan. Di peringkat awal Pejabat Tanah di Labuan hanyalah berfungsi sebagai Post Office, dengan izin, kerana segala tugas-tugas Pejabat Tanah ini dilaksanakan di Pejabat Tanah Kota Kinabalu, Sabah sebagai peringkat transaksi. Tidak dapat dinafikan segala urusan yang ada hubungkait dengan tanah akan memakan masa

yang lama. Tetapi kini Pejabat Tanah di Labuan sudah berfungsi sepenuhnya sebagai "one-stop-agency", dengan izin, tetapi segala urusan tanah masih memakan masa yang lama untuk diselesaikan.

Di Labuan masih ramai lagi penduduk-penduduk yang terlibat dalam rancangan pengambilan tanah oleh Kerajaan untuk tujuan pembangunan dan pembersaran jalan raya di mana wang pampasan atau bayaran balik belum lagi diselesaikan oleh Jabatan Tanah. Ada di antaranya sudah menunggu selama 4 tahun. Di pejabat saya juga sering mendapat aduan berkenaan dengan kes-kes ini. Sepatutnya Pejabat Tanah ini tidak terlalu sibuk dengan kerja-kerja memproses permohonan tanah baru kerana kawasan tanah yang belum dan yang boleh diagihkan hanyalah berjumlah kurang dari 10% sahaja lagi. Jadi Jabatan ini diharapkan agar dapat mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatannya untuk memberi khidmat yang lebih berkesan dan memuaskan sejajar dengan prestasinya dalam mengutip hasil tanah yang sentiasa meningkat. Sekian.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Saratok.

4.50 ptg.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk memben pandangan saya dalam Maksud Bekalan 12, Jabatan Perpaduan Negara, muka surat 45. Butiran 010000—Pentadbiran Am; Butiran 020000—Perancangan dan Penyelidikan dan Butiran 030000—Perhubungan Masyarakat di muka surat 346.

Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Belanjawan 1988 Jabatan

ini yang meningkat sedikit sahaja dari tahun 1987 tetapi program ataupun langkah-langkah dan strategi patut dipertingkatkan lagi dan kalau begitu, tentu sekali Anggaran Belanjawan untuk 1988 tidak mencukupi. Apa yang saya maksudkan ialah aktiviti Pentadbiran Am dan aktiviti Perancangan dan Penyelidikan. Kalau boleh diubah sedikit supaya pegawai-pegawainya dari Sabah dan Sarawak boleh ditempatkan di Jabatan ini. Kalau tidak ada yang muda, dari secondment, dengan izin, pun boleh. Saya percaya cita-cita ini tentu ada dalam perasaan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara ataupun Kerajaan sendiri. Tetapi kalau dilaksanakan barangkali tidak ada pegawai yang suka berkhidmat di Semenanjung sebabnya, barangkali pegawai yang sedang bertugas di Sarawak kalau beredar yang saya dapat tahu sedikit, pada masa yang lepas ataupun pada hari ini beredar ke Kuala Lumpur pendapatan bulanan iaitu gaji ataupun elaun adalah kurang daripada apa yang mereka perolehi kalau mereka bekerja di Sarawak. Dengan adanya kelulusan baru-baru ini mengenai insentif yang purata, saya harap cita-cita ini dapat dicapai dan dapat diperhatikan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, apa yang kita sedia maklum iaitu hendak mencapai integrasi nasional yang memuaskan tentu kita semua sadar akan mengambil masa yang panjang dan apa yang kita faham dan perlu dibuat patut dibuat dan saya harap Kerajaan akan memikir dengan seriusnya. Cadangan ini bukan maknanya kurang percaya kepada pegawai-pegawai dari Semenanjung yang sememang sedia ada di sini. Saya menekankan selam-lama ini kami cukup percaya. Tetapi kita semua tentu dapat menanam penuh lagi kepercayaan kalau pegawai-pegawai ini dapat bekerja dalam satu jabatan dan menjalankan tugas bersama-sama untuk kepentingan kita semua. Saya sadar

negeri Sarawak memang jauh ketinggalan hampir di semua bidang dan kekurangan pegawai yang dapat memegang jawatan yang tinggi pun tidak ketinggalan.

Oleh kerana itu saya tidak menyentuh berkenaan dengan jabatan-jabatan yang lain, tetapi saya percaya Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah dapat memikirkan cadangan ini sekiranya Kerajaan Pusat bersetuju dengan langkah ini dan meminta Kerajaan Negeri masing-masing untuk bekerjasama.

Tuan Pengerusi, saya percaya banyak cadangan-cadangan dari pegawai-pegawai dalam masa yang telah lalu bersama-sama memikirkan di antara pegawai dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak dalam beberapa tahun yang lalu telah diusahakan dan diambil tindakan oleh Kerajaan untuk memupuk integrasi nasional di antara 3 wilayah ini. Tetapi saya kira banyak lagi yang patut difikirkan dan apabila pegawai-pegawai yang saya cadangkan itu dapat diaturnya pegawai-pegawai ini akan tentu sekali melawat dari masa ke semasa ke semua negeri-negeri di Semenanjung di sini dan semua bahagian di Sarawak dan di Sabah. Dalam lawatan ini dapatlah mengetahui sebanyak sedikit keadaan yang sebenar dan lebih teliti lagi. Kerajaan kita sekarang walaupun di peringkat Negeri ataupun Pusat memang ada mempunyai cita-cita yang sama iaitu supaya negeri-negeri yang lebih jauh ketinggalan lebih-lebih lagi yang berada di luar bandar dapat dipercepatkan lagi dalam mempertingkatkan taraf kehidupan mereka.

Saya sedar banyak program-program yang disediakan oleh Kerajaan baik pun dari Kerajaan Pusat ataupun Negeri tetapi bukannya semua dapat mengambil peluang. Ini disebabkan banyak masalah tetapi satu daripada masalahnya iaitu dari

segi pemikiran, dengan izin, attitude. Supaya pemikiran ini dapat dibendung mengikut cita-cita Kerajaan, haruslah Kerajaan memikirkan sesuatu supaya perasaan orang yang lebih jauh mundur disayangi oleh Kerajaan Pusat dapat dilihat dan dapat dirasai. Satu daripada strategi Kerajaan, saya percaya, ialah supaya pegawai dari Sarawak dan Sabah dapat bekerjasama di jabatan yang tidak besar seperti Jabatan Perpaduan Negara tetapi makna dan cita-cita yang tinggi seperti jabatan ini tentu sekali memberi faedah yang berguna. Saya dengan besar harapan cadangan saya ini dapat difikirkan oleh Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bakri.

5.53 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Pengerusi, saya terus masuk ke buku Belanjawan, Maksud B.1, muka surat 23 iaitu berkenaan dengan Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya ingin berucap atas tugas dan kewajipan kita semua sebagai Ahli-ahli Parlimen. Kita semua sedari pada masa yang baru lalu kita menghadapi satu masa kegentingan untuk negara kita dan untuk rakyat jelata. Nasibnya demam perkauman sudah turun.

Tuan Pengerusi, pada masa kini, sikap perkauman dan polarisasi kaum sudah menjadi masalah yang dihadapi oleh negara yang terbesar. Polarisasi kaum dan perkauman.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, itu menyentuh dasar-dasar.

Tuan Chua Jui Meng: Ya, sebab saya hendak.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Urusan sahaja.

Tuan Chua Jui Meng: Saya tahu. Ini berkenaan kewajipan Ahli Parlimen menyerangi isu polarisasi kaum.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan sahaja, sebab masa tidak banyak.

Tuan Chua Jui Meng: Sebab polarisasi kaum telah menjadi musuh awam nombor satu di negara kita. Itulah rakyat jelata mengharap kepada Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini untuk menjadikan contoh kepada negara, kepada rakyat jelata, sebab hasrat rakyat jelata mereka hendak duduk dalam negara ini dalam keadaan aman dan sentosa. Tetapi malangnya, kita sentiasa mendengar daiam ucapan-ucapan Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini, ucapan-ucapan yang dikeluarkan yang kekurangan dan tanpa dengan tak taakulan, belas kasihan dan rendah hati dan tidak ada bertoleransi. Tetapi nasibnya di dalam Dewan yang mulia ini ramai atau majoriti Ahli-ahli Parlimen di Dewan ini sikap mereka sederhana, tetapi bila suara-suara yang ekstrimis baikpun daripada golongan Pembangkang mahupun daripada Barisan Nasional dikeluarkan dan dilafazkan di Dewan ini, suara-suara yang sederhana sudah ditenggelamkan, dengan izin, drowned. Sebab itu untuk memerangi sikap polarisasi kaum dan apa yang diharapkan oleh rakyat jelata ialah Ahli-ahli Dewan dan Dewan yang mulia ini menjadikan contoh dan teladan kepada rakyat jelata yang kita boleh mengurangkan suasana polarisasi kaum dan apakah kewajipan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen.

Pertama, tugas kita wajib, perlu dan mustahak ialah satu suasana kesederhanaan, satu suasana rasional di Dewan yang mulia ini. Untuk mencapai tujuan itu, dalam ucapan-ucapan kita Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mesti berhati-hati

dalam ucapan yang kita utarakan, bukan sahaja kepada Ahh-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tetapi kepada semua rakyat jelata. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati, jangan menyinggung perasaan hati-hati kaum lain dan sensitiviti-sensitiviti kaum yang lain.

Kedua, bila kita berucap dalam Dewan ini kita mesti ada satu prinsip. Prinsip yang akan membimbing kita sebagai Ahli Parlimen. Apakah prinsip itu? Prinsip itu ialah bila kita utarakan ucapan kita, kita hendaklah tanya diri kita sendiri apa yang kita lafazkan, adakah ini membawa kita ke arah satu tahap yang boleh mencapai perpaduan kaum, perpaduan negara? Itulah prinsip. Dengan izin, will it help us to build a united people and a united nation?

Ketiga, kita mesti sedari, khasnya Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional iaitu bila kita bertanding dalam Pilihanraya Umum, kita bukan bertanding atas tiket MCA, UMNO, MIC, Gerakan dan lain-lain, tetapi kita bertanding atas pentas Barisan Nasional. Itulah tiket kita dan pentas kita, Barisan Nasional dan sebab itu kita seharusnya mewakili semua kaum di negara kita, semua constituent di negara kita.

Sebagai contoh, saya sebagai Ahli Parlimen dari Bakri bukan sahaja saya mewakili orang Cina, sebab saya bukan Ahli Parlimen MCA, yang sebenarnya saya memenangi pilihanraya atas nama Barisan Nasional dan sebab itu saya mewakili constituents saya yang terdiri daripada kaum Melayu dan kaum India. Sebab itu bila saya berucap baik dalam Parlimen atau di Majlis Tindakan Daerah atau di mana-mana forum Kerajaan daripada segi pembangunan dan daripada segi masalah tempatan, saya harus berucap untuk semua kaum dalam constituency saya iaitu kalau constituents saya daripada kampung

hendak satu loji, hendak parit, hendak longkang, air dan lain-lain, saya harus memperjuangkan untuk mereka.

Orang India kalau mereka hendak satu kuil, itulah tugas saya mengutarakan permohonan mereka kepada Kerajaan. Kalau pengundi orang Cina dari kawasan saya hendak satu tapak tanah untuk satu tok kong, itulah tugas saya sebagai Wakil Rakyat dari Bakri dan lain-lain. Bukan sahaja masalah tempatan, tetapi daripada segi dasar sebagai seorang Wakil Rakyat Barisan Nasional saya harus memperjuangkan untuk orang Melayu, orang Cina dan orang India. Dan bila kita dengar di Dewan yang mulia ini ucapan daripada wakil UMNO yang memperjuangkan untuk constituents Cina dan India daripada kawasannya, inilah memaikan hati saya dan tetap memaikan hati-hati semua yang bukan Melayu yang hadir di Dewan ini.

Tuan Woon See Chin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada penjelasan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Pengerusi, izinkan saya membuat sedikit penjelasan.

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bakri, duduk!

Tuan Chua Jui Meng: Ya, tak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Woon See Chin: Jika Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Ada injury timekah?

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduklah, biar dia beri penjelasan.

Tuan Woon See Chin: Jika Yang Berhormat hendak bertanding untuk mendapat satu jawatan di parti sendiri seperti MCA atau UMNO atau MIC, apa sikap Yang Berhormat hendak mengikut untuk memenangi jawatan itu dan bagaimana Yang Berhormat dapat mempengaruhi semua ahli-ahli untuk menyokong Yang Berhormat?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih. Itu satu soalan yang serius. Untuk memenangi jawatan dalam parti, pertama, saya hendak menunjukkan kepada anggota-anggota parti saya yang saya mewakili dan memperjuangkan untuk nasib mereka.

Kedua, dalam konsep, daian konteks pembangunan negara, perpaduan negara kita harus—macam saya dalam MCA, kalau kita hendak satu negara yang bersatupadu, yang makmur; kita harus nampak daripada konteks nasional yang di negara kita ada orang Melayu, ada orang India, ada Kadazan dan lain-lain.

Saya teruskan kepada konsep Service Centre atau Pusat-pusat Perkhidmatan Ahli-ahli Parlimen yang mana kita lihat di negeri United Kingdom tiap-tiap Ahli Parlimen di sana ada menubuhkan satu Pusat Perkhidmatan di sana dipanggil "MP's Clinic" di mana diuruskan oleh MP sendiri, satu minggu dua hari. Selain daripada dua hari itu, pada minggu itu diuruskan oleh Setiausaha Ahli Parlimen.

Kepada Ahli Parlimen semua kaum, semua pengundi di kawasannya boleh pergi ke "MP's Clinic" untuk mendapatkan perkhidmatan daripada Ahli Parlimen atau setiausahanya. Dengan itu kalau kita menubuhkan di negara kita tiap-tiap Ahli Parlimen boleh menubuhkan satu Pusat Perkhidmatan seperti Ahli-ahli Parlimen di negeri England, saya ingat ini dapat kita memahami hasrat rakyat

jelata sama ada daripada orang India, Cina dan Melayu, sesiapa pun boleh datang ke pusat perkhidmatan ini.

Saya ingin mengingatkan kepada satu ucapan yang dibuat oleh Dr Mahathir bin Mohamad pada tahun 1964 di Dewan yang mulia ini. Saya petik, dengan izin:

"Mr Chairman, Sir, I too wish to speak about the allowance which is paid to Members of Parliament. This is not because I am asking that the allowance be increased. I merely wish to draw the attention to the fact that allowances are paid in order that Members of Parliament work for the citizens who elected them, that they can sit in this House and in that way defend the rights of the people who elected them. Mr Chairman, in conclusion I hope that the Members of the Opposition will also earn their "keep"."

Itulah kita sebagai Ahli-ahli Parlimen janganlah makan gaji yang buta \$3,000 satu bulan dengan elaun-elaun yang lain.

Tuan Pengerusi, kita harus menjalankan tugas kita. Satu cara yang mustahak ialah menubuhkan Pusat Perkhidmatan di dalam kawasan kita. Saya sendiri telah menubuhkan satu Pusat Perkhidmatan sepenuh masa. Di dalam kita hendak mengurangkan polarisasi kaum di dalam pusat Perkhidmatan saya, saya telah melantik seorang wakil sepenuh masa daripada UMNO untuk menjalankan tugas kepada semua penduduk-penduduk di kawasan Bakri. Di sana pun kita dapat volunteers daripada MCA, kita dapat volunteers daripada UMNO dan kita pun ada kerani-kerani yang menguruskan Pusat Perkhidmatan itu. Di dalam Pusat Perkhidmatan itu Ketua Kampung boleh datang, orang Cina pun boleh datang dan orang India pun oleh datang untuk mendapatkan perkhidmatan, khasnya

masalah-masalah yang dihadapi berhubungan dengan Kerajaan.

Bila saya di United Kingdom dengan Perdana Menteri baru lalu, dalam suratkhbar di sana ada satu berita (news) iaitu Setiausaha kepada Ahh Parlimen di dalam Pusat Perkhidmatannya atau "MP's Clinic" gajinya baru naik kepada £8,000 sterling. Itu sahaja untuk Setiausaha Ahli Parlimen di "MP's Clinic" itu.

Apa yang saya hendak rujukkan di sini ialah kalau Kerajaan hendak menggalakkan semua Ahli-ahli Parlimen menubuhkan Pusat Perkhidmatan dalam kawasan dia, saya ingat adalah mustahak Kerajaan beri satu elaun untuk sekretari atau wakil Ahli Parlimen yang menguruskan Pusat Perkhidmatan itu.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, injury time sudah habis.

Tuan Chua Jui Meng: Sudah habis. Akhirnya, Tuan Pengerusi, rakyat jelata pun sudah faham proses demokrasi, apakah proses demokrasi dan juga hak-hak rakyat jelata, hak-hak tiap-tiap rakyat jelata dalam kawasan Parlimen ialah pertama, dia hendaklah faham apakah proses demokrasi dan menggunakan proses itu untuk mencapai perpaduan negara dan mencapai satu tahap di mana tiap-tiap Ahli Parlimen mesti dan seharusnya memberikan perkhidmatan kepada rakyat jelata. Itu pertama. Kuasa dia untuk pergi ke pejabat Ahli Parlimen untuk minta perkhidmatan daripada dia, tidak kira bangsa, tidak kira agama dan kebudayaan, pergilah ke pejabat Ahli-ahli Parlimen dan cakap, "saya ada masalah, tolonglah bereskan masalah saya".

Kedua, memanggil Ahli-ahli Parlimen untuk berdialog dan minta dia apakah pendirian Yang Berhormat atas isu ini, atas prinsip ini, tanya dia.

Kalau orang Melayu tanya orang Cina, apakah pendirian you, Ahli Parlimen atas isu ini. Tentulah dengan proses berdialog ini kita dapat mendederhanakan sikap Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Ya, itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lubuk Antu.

5.11 ptg.

Tuan Jawah anak Gerang (Lubuk Antu): Tuan Pengerusi, saya bercakap atas Maksud Bekalan B.1, muka surat 23, Butiran 010000 iaitu berkenaan dengan Urusan Parlimen.

Saya amatlah tertarik hati apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat dari Bakri tadi. Saya pun setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan saya juga hendak bercakap berkenaan dengan Urusan Parlimen iaitu mengenai kemudahan-kemudahan tertentu kepada Ahli-ahli Parlimen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini iaitu berkenaan dengan insuran nyawa Ahli Dewan Rakyat. Saya rasa semua Ahli Dewan Rakyat tahu insuran nyawa ialah \$60,000 seorang. Kita tahu \$60,000, itu saya rasa adalah jumlah yang paling kecil sekali apabila dibandingkan dengan insuran nyawa-insuran nyawa pegawai-pegawai yang lain yang berkhidmat dengan bank ataupun di tempat-tempat lain.

Di Sarawak Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak, insuran nyawa mereka ialah \$400,000 dan seorang Pegawai Bank di insuredkan \$200,000.

Jadi, apabila perbandingan dibuat terhadap insuran nyawa seorang Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Rakyat menerima yang paling kecil sekali, iaitu \$60,000.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa seorang Ahli Dewan Rakyat iaitu Mendiang Yang Berhormat Andrew Janggi anak Muiyong dari kawasan Lubok Antu sudah meninggal dunia kerana kemalangan jalan raya dan apabila keluarga-keluarga mereka dan isteri-isteri mereka menuntut, dia tahu insuran nyawanya hanya merupakan \$60,000 sahaja dan timbullah masalah-masalah seperti masalah perumahan dan masalah lain. Sudah tentulah jumlah yang begitu sedikit sahaja ini sebanyak \$60,000 itu tidak mencukupi dan saya menyeru supaya Dewan ini lebih mengambil perhatian berkenaan dengan jumlah insuran nyawa tersebut, kerana kita tidak tahu bila-bila ataupun sesiapa pun boleh ditimpa kemalangan, dan saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada pinjaman perumahan Ahli Yang Berhormat yang saya fikir sangat rendah sekali iaitu \$60,000. Rumah apa yang harus kita beli! Rumah harga murah pun tidak dapat \$60,000, jadi saya rasa jumlah \$60,000 itu, memandangkan kedudukan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak begitu mencukupi dan juga pinjaman kenderaan iaitu \$20,000 sahaja, dengan \$20,000 itu kita tidak dapat pun beli PROTON SAGA. Jadi saya ingin menarik perhatian Dewan ini supaya kemudahan-kemudahan begini haruslah diambil kira oleh kita semua.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap tentang maksud Bekalan B.4, Suruhanjaya Pilihanraya, muka surat 26, Butiran 010200, iaitu berkenaan dengan Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Telah diperuntukkan di dalam tahun 1988 iaitu \$4,588,000 yang

bertujuan untuk memastikan bahawa warganegara yang berkelayakan di negara ini tidak mendaftarkan atau mengundi lebih daripada sekali dan juga urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar-daftar pemilih sebagai tugas yang pertama diikuti dengan kajian-kajian daerah-daerah mengundi dan pusat-pusat pendaftaran pembuangan undi dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa semasa pilihanraya baru-baru ini di Sarawak, terdapat banyak kawasan pilihanraya di Sarawak khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri Dudung, terdapat hampir 300 orang telah mengundi bukan satu kali, tetapi 2 ataupun 3 kali. Ini saya ada bukti.

Di sini saya ingin merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya kes-kes seperti mengundi 2 kali ataupun 3 kali dapat disiasat.

Juga di kawasan saya iaitu Lubok Antu, pengundi-pengundi dari Tua Rumah Pemancar Manau iaitu di Batang Ai membuang undi di pusat pembuangan undi di Batu Kaya yang jauhnya hampir-hampir 20 km, dan mengapa tidak orang-orang dari rumah berdekatan itu membuang undi di SRK Batang Ai yang terdekat sekali, berjalan kaki hanya 5 minit sahaja.

Kedua, terdapat banyak pengundi di Tua Rumah Sunoh Nangan Setamang, Ulu Engkari telah membuang undi mereka di SRK Nanga Tebu yang mengambil masa 4 jam dengan perahu panjang, bahkan di Tua Rumah Sunoh Nanga Setamang sendiri pun ada tempat membuang undi. Saya tidak lihat lojiknya mengapa mereka harus diberikan membuang undi mereka di SRK Nanga Tebu di puncak Ulu Engkari yang terjauh sekali.

Ketiga, kepada ramai pengundi-pengundi di kawasan Batang Air iaitu N.18 kebanyakan tempat pembuangan undi adalah di mana mereka itu membuang undi dahulu sudah ditukar-aduk, ataupun dipisahkan ke tempat pembuangan undi yang baru dan ini telah mengakibatkan banyak kerumitan kepada pemilih-pemilih di kawasan tersebut.

Keempat, pada amnya pusat-pusat pembuangan undi adalah terletak di rumah-rumah panjang yang pendek iaitu rumah panjang yang mempunyai tidak ramai pemilih dan rumah panjang tersebut selalunya jauh dari tempat di mana banyak pemilih yang tinggal. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, di sini saya suka merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya daftar-daftar pemilih dapat disemak semula dan kajian-kajian pusat pembuangan undi di kawasan pilihanraya Batang Air N.18 dapat diadakan supaya tidak menimbulkan sebarang kerumitan kepada pemilih-pemilih di kawasan tersebut dan juga menentukan supaya pemilih-pemilih di pilihanraya yang akan datang akan mengundi tidak lebih daripada sekali.

Akhirnya saya ingin menyentuh, di muka surat 32 Butiran 03000, iaitu berkenaan dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan yang diberi peruntukan \$152,531,000 pada tahun 1988. Salah satu daripada tujuan unit ini ialah menguasai dan menentukan pelaksanaan dan pencapaian dasar-dasar pembangunan Kerajaan serta memastikan program-program dan projek-projek pembangunan Kerajaan serta memastikan program-program dan projek-projek pembangunan seperti yang dirancangan dilaksanakan dengan licin dan teratur.

Sehubungan dengan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa sejumlah \$2.5 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat pada tahun ini, iaitu

tahun 1987 belum lagi dilaksanakan oleh Kerajaan Negen Sarawak, hingga ke hari ini khususnya di kawasan Parlimen PBDS. Peruntukan ini akan lupus dengan sendirinya jika tidak digunakan dalam hujung tahun ini. Oleh hal yang demikian saya merayu supaya Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini dapat mempercepatkan pelaksanaan peruntukan projek tersebut. Jikalau unit ini tidak mampu untuk berbuat apa-apa berkenaan dengan pelaksanaan peruntukan tersebut maka rupanya tidak ada maknalah parti kami PBDS menyertai Barisan Nasional di peringkat Kerajaan Pusat dan mulai dari hari ini saya tegaskan di sini Ahli-ahli Parlimen PBDS mungkin akan mempertimbangkan semua kedudukan parti PBDS menyertai Barisan Nasional di Kerajaan Pusat. Apa gunanya kita menyertai Barisan Nasional di Kerajaan Pusat jika kelayakan yang diberi kepada ahli Barisan Nasional tidak pula diberi kepada ahli-ahli Dewan Rakyat PBDS, jadi sia-sialah sahaja kita menyertai Barisan Nasional di Kerajaan Pusat. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dan Marudu.

5.26ptg.

Tuan Joe Ojhi Supiring (Marudu): Tuan Pengerusi, sukacita saya mengambil bahagian bagi menimbang Rang Undang-undang Perbekalan peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri dalam Maksud Bekalan B.7, muka surat 35, Butiran 01100 iaitu Jabatan Perpaduan Negara.

Izinkan saya untuk membuat kenyataan mengenai hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah iaitu Federal and State Relations, dengan izin.

Perkara ini adalah satu cabaran yang sangat penting bagi negara kita untuk sekian lama.

Istilah integrasi nasional telah digunakan dengan meluasnya bagi memperketatkan objektif negara tentang perpaduan nasional.

Saya telah mengatakan awal-awal lagi bahawa sebagai sebuah negara pencapaian kita dalam hal ini adalah menggalakkan, walau bagaimanapun ramai orang mempersoalkan bahawa sebagai sebuah negara kita telah pun mencapai perpaduan, tetapi dari segi integrasi kita masih jauh dari kenyataan. Ini khususnya bagi negeri Sabah dan mungkin juga termasuk negeri Sarawak. Dari segi integrasi politik Sabah dan Sarawak, telah pun benar-benar di Malaysiakan ataupun, dengan izin, Malaysianise, tetapi di bidang ekonomi, kebudayaan dan begitu juga di segi social and physical jurangnya masih besar. Akibatnya pada masa-masa yang lalu kedua-dua negeri ini dengan secara amnya merasai independent, dari segi pemikiran dalam tugas membentuk negara.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, bahawa kami di Sabah adalah serius untuk mengurangkan jurang perhubungan antara Kuala Lumpur dan Sabah ataupun Semenanjung dan Sabah. Kami adalah serius untuk menghapuskan halangan integrasi nasional yang berpunca dari peringkat negeri, tetapi dalam masa yang sama kami juga ingin agar Kerajaan Pusat memainkan peranan dalam menghapuskan halangan demi memperkukuhkan hubungan Pusat dan Negeri. Secara khususnya kami ingin agar penyertaan Kerajaan Negeri dalam semua perbincangan dan penyelesaian masalah yang secara langsung atau tidak langsung melibatkan hal ehwal penduduk Sabah dipertingkatkan lagi.

Pada masa-masa lalu terdapat kecenderongan di mana penyertaan kami dalam membuat keputusan dalam hal-hal yang penting hanyalah sebagai tampalan atau "window dressing" pada keseluruhannya, dan ini menyebabkan Negeri Sabah sering kali ditempatkan sebagai pemerhati atau observers.

Dalam masa yang lampau seringkali polisi-polisi penting digubal di Kuala Lumpur tanpa mengambilkira pandangan pihak Kerajaan Negeri. Pemimpin-pemimpin di Semenanjung seharusnya mengamalkan semangat perundingan dengan pemimpin-pemimpin di Sabah dan meningkatkan lagi tahap pemuafakatan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Hanya dengan cara ini sahajalah kita dapat mengatasi masalah komunikasi dan salah faham yang mana jika tidak diselesaikan, boleh membawa kepada ketegangan hubungan.

Pencapaian matlamat integrasi wilayah (territorial integration) juga dapat dipertingkatkan melalui penggunaan kemudahan-kemudahan telekomunikasi dan media massa seperti televisyen, radio dan surat khabar. Walaupun kesemua ini merupakan alat-alat yang berguna untuk memperkukuhkan proses integrasi wilayah, tetapi kegunaan kemudahan-kemudahan ini tidak dapat dieksploitasikan dengan penuh disebabkan oleh kos yang tinggi, terutama dalam konteks telefon dan surat khabar.

Sesungguhnya saya ingin mencadangkan agar kita pertimbangkan idea mengenai mengkembangkan atau "twinning" constituency di Semenanjung dengan constituency di Sabah dan Sarawak. Kita membelanjakan wang dan masa yang banyak dalam mengkembangkan bandar-bandar kita dengan bandar-bandar Jepun dan di negara Eropah, tetapi kita tidak pernah memikirkan

soal mengkembangkan bandar atau, dalam hal ini, constituency dalam negara kita sendiri. Saya percaya bahawa inisiatif seperti ini walaupun nampak kecil, tetapi boleh meningkatkan persefahaman, budaya, nitai dan tradisi dan seterusnya membina persahabatan yang kekal di kalangan rakyat Malaysia. Dengan cara ini kita dapat menanamkan semangat kekitaan dan "sense of belonging" kepada negara yang amat kha cintai ini.

Tuan Pengerusi, dalam muka surat 34, Maksud Bekalan 7, Butiran 00400 iaitu Peruntukan bagi Ahli-ahli Parlimen. Sukalah saya di sini menyatakan bahawa saya merayu kepada Jabatan Perdana Menteri, terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa di masa-masa yang lalu peruntukan \$200,000 itu adalah khas bagi ahli Barisan Nasional ataupun kawasan yang diwakili oleh Barisan Nasional. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan \$200,000 ini haruslah diselaraskan di seluruh kawasan dalam negara ini memandangkan simpati kita kepada rakyat jelata, terutama sekali di luar bandar kerana peruntukan \$200,000 itu bukanlah khas untuk diperuntukkan kepada Wakii Rakyat, tetapi ini diperuntukkan untuk meninggikan taraf hidup bagi rakyat jelata kita di luar bandar.

Dalam muka surat 35, Maksud Bekalan 7, Butiran 02000, iaitu Perbadanan Perusahaan Berat (HICOM). Kita sedia maklum dan kita telah diberitahu baru-baru ini bahawa jualan kereta Proton Saga telah merosot daiam beberapa tahun ini, terutama sekali tahun 1987. Oleh itu, penjualan kereta nasional ini haruslah diselaraskan harga di seluruh negara Malaysia, di negeri-negeri, oleh sebab inipun mungkin satu daripada punca kejatuhan ataupun penurunan penjualan kereta nasional

kita. Kalau kita bandingkan harga penjualan atau kos penjualan di Semenanjung dan di negeri Sarawak dan Sabah, kita dapati bahawa kos penjualan itu adalah lebih jauh, Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi. Oleh itu, saya berpendapat mungkin untuk memperbaiki cara penjualan ataupun mutu penjualan ke atas kereta nasional ini, saya merayulah kepada Perdana Menteri supaya mengkaji semula sistem penjualan kereta nasional dalam negara kita.

Saya juga tertarik kepada satu sistem yang dilakukan oleh sebilangan negara di Eropah, terutama sekali di negara Jerman Barat di mana pembeli-pembeli kereta nasional di negara mereka dikecualikan daripada membayar road tax selama 3 tahun. Mungkin ini adalah salah satu caranya untuk menggalakkan rakyat daripada negara itu untuk membeli kereta nasional, kereta buatan negara sendiri. Kalau kita bandingkan dengan kos pembayaran road tax dan juga kos pembelian kereta, saya fikir dengan tidak membayar road tax dalam 3 tahun kita dapat cover-up dan kita lebih mendapat untung daripada kos road tax dengan kos sales kereta nasional kita. Jadi, saya mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengkaji, meneliti dan menyelidik kesesuaian ataupun viability untuk menjaikan satu sistem penjualan kereta dan juga sistem mengecualikan road tax, khas kepada kereta nasional kita dan dengan cara begini mungkin kita mengurangkan sikap rakyat di negara Malaysia kita ini yang ingin hendak membeli kereta import, kereta daripada negara-negara lain.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya sukalah bertanya kepada Perdana Menteri sama ada perbuatan-perbuatan seperti rusuhan-rusuhan yang saya anggap petualang perpaduan dan integrasi dalam Malaysia kita ini, khususnya di negeri

Sabah—baru-baru ini dalam tahun 1986 kita ketahui bahawa satu perbuatan rusuhan dan pembakaran bangunan yang mengakibatkan berjuta-juta nilainya dan juga mengakibatkan kematian di negeri Sabah pada tahun lepas—adakah ini diambil kira dalam suasana perdamaian negara kita melalui kuasa Undang-undang ISA yang sedang kita lakukan sekarang ini. Dalam negara kita, rakyat jelata haruslah dididik bahawa "violence is not a reform", dengan izin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Gopeng.

5.38 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam Belanjawan Persekutuan 1988. Perkara yang pertama, muka surat 45, Maksud Bekalan 12, Jabatan Perpaduan Negara, Butiran 020000 dan 030000.

Seperti kita sedia maklum bahawa perpaduan negara satu isu yang amat kompleks dan masalah serius dalam masyarakat yang berbilang kaum dan perpaduan negara juga satu asas pembinaan negara. Malangnya, selepas 30 tahun kita merdeka ada tanda-tanda yang menunjukkan kita masih jauh daripada membina sebuah masyarakat yang bersatupadu.

Di dalam soal perpaduan negara, beberapa usaha telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengendalikannya dan kalau kita lihat sejarah Jabatan Perpaduan Negara sebenarnya pada tahun 1972 Kerajaan menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara dengan mencantumkan Jabatan Perpaduan Negara dan Pejabat Muhibbah Negara, kemudian dalam tahun 1974 Lembaga Perpaduan Negara menggantikan Kementerian Perpaduan Negara. Di dalam tahun 1982 Lembaga

Perpaduan Negara ini digabungkan dengan Jawatankuasa Rukun Tetangga dan menjadi Jabatan Perpaduan Negara yang ada sekarang. Jadi sama ada dalam bentuk "Kementerian" ataupun "Lembaga" ataupun "Jabatan", matlamat badan tersebut amat jelas iaitu untuk memupuk perpaduan negara. Dan kita juga sedia maklum bahawa selain daripada Jabatan Perpaduan Negara isu perpaduan negara juga menjadi salah satu perkara yang utama di Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan sebagainya.

Dan selain daripada berbagai badan itu kita juga dapati bahawa ada berbagai dasar untuk tujuan menyatupadukan rakyat berbagai kaum. Jadi, Tuan Pengerusi, dengan adanya begitu banyak badan, begitu banyak dasar, sepatutnya kita berjaya memupuk perpaduan negara.

Malangnya keadaan yang sebenarnya tidak begitu menggalakkan dan banyak kajian dalam sains sosial terutama sekali, sudah menunjukkan bahawa rakyat berbagai kaum tidak bersatupadu. Mereka masih kurang berinteraksi, mereka masih kurang faham memahami kebudayaan dan adat resam antara satu sama lain. Malah polarisasi kaum menjadi semakin buruk. Kalau negara kita tidak mengambil berat masalah ini, akhirnya kita akan hancur.

Saya tidaklah berniat menyalahkan mana-mana pihak kerana kegagalan kita dalam mewujudkan perpaduan. Salah-menyalah dan juga tuduh menuduh tidak akan menyelesaikan masalah kita, kerana kita sebenarnya semua bertanggungjawab. Jabatan Perpaduan Negara yang ditugaskan khas untuk mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan perpaduan

tentu sekali ada tanggungjawab yang lebih besar, tanggungjawab yang lebih berat.

Maka dalam hubungan inilah saya ingin mengemukakan beberapa syor. Yang pertama, saya rasa sudah tiba masanya kita mengkaji semula beberapa dasar yang menimbulkan pertikaian ataupun percanggahan pendapat antara kaum. Dasar-dasar itu barangkali termasuk Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan juga Dasar Pendidikan Kebangsaan kerana tujuan kita ialah mengenalpasti punca-punca konflik dan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang ada dalam dasar itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kita harus memikirkan kemungkinan menubuhkan institut hubungan kaum untuk mengendalikan segala kajian mengenai masalah hubungan kaum.

Yang ketiga, saya cadangkan supaya kita menghidupkan semula Majlis Dialog yang pernah dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara demi memupuk persefahaman.

Yang keempat, saya rasa harus juga kita memikirkan kemungkinan untuk menggubal satu Akta hubungan kaum dengan tujuan untuk membanteras masalah prasangka dan diskriminasi. Akhirnya, saya rasa kita perlu berusaha mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara dalam semua bidang hidup.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua iaitu muka surat 23, Maksud B.1, Parlimen, Butiran 010000 iaitu berhubung dengan Urusan Parlimen. Saya ingin membuat beberapa teguran hasil pemerhatian berhubung dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Yang pertama sekali, saya berpendapat berhubung dengan sikap dan tingkah laku Ahli-ahli Dewan Rakyat. Bagi saya, Dewan Rakyat ini tempat yang amat mulia dan saya cukup terkilan

apabila mendapati setengah-setengah Ahli Dewan Rakyat mempunyai sikap yang kurang serius, malahan ada yang bersandiwara di Dewan yang mulia ini dan ada pula yang mempunyai sikap yang berkonfrontasi seolah-olah mahu bertengkar, dalam kata-kata oleh seorang Ahli Yang Berhormat, seolah-olah mahu makan orang. Saya rasa perbuatan demikian bukan sahaja membuang masa kita tetapi juga menjejaskan imej Dewan Rakyat kita.

Perkara yang kedua, berhubung dengan Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut. Saya rasa, pada keseluruhannya jawapan yang disampaikan oleh para Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen itu bolehlah dikatakan memuaskan. Namun demikian, jawapan-jawapan bagi soalan tambahan sering tidak memuaskan, malah dalam banyak kes soalan-soalan tambahan itu tidak diberikan jawapan yang memuaskan ataupun tidak terjawab langsung. Saya rasa ini satu keadaan yang kurang sihat dan harus diperbaiki.

Kemudian, perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, berhubung dengan bahasa yang digunakan. Saya juga amat kecewa dalam perkara ini dan saya ingin menyentuh dua aspek dalam perkara ini. Yang pertamanya, dari semasa ke semasa, saya dapati masih ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menggunakan bahasa yang kasar, bahasa yang kurang bersifat bahasa parlimen, meskipun ini tidak dibenarkan. Aspek yang kedua, berhubung dengan mutu Bahasa Malaysia. Pada keseluruhannya, kita harus bersyukur kerana Ahli-ahli Dewan Rakyat berusaha untuk menggunakan Bahasa Malaysia yang baku, bahasa standard, terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat yang bahasa ibundanya bukan Bahasa Malaysia.

Saya rasa, usaha mereka harus diberikan pujian dan juga

penghargaan yang sewajarnya. Namun demikian, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dari segi tata bahasa ataupun nahu bahasa, prestasi setengah-setengah Ahli Dewan Rakyat ini tidaklah begitu membanggakan kita. Ini termasuklah juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang bahasa ibundanya Bahasa Malaysia.

Saya tidak bercadang untuk memberikan contoh-contoh tentang kesilapan penggunaan Bahasa Malaysia. Sebenarnya saya ada satu senarai tetapi oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak dapat memberikan contoh-contoh di sini, memadailah bagi saya menegaskan di sini bahawa Dewan ini ialah Dewan yang mulia dan bahasa yang digunakan sepatutnya bahasa yang halus, bahasa yang standard, bukan bahasa yang kasar ataupun bahasa yang tercemar.

Tuan Pengerusi, inilah beberapa teguran saya berhubung dengan urusan Parlimen. Teguran yang saya buat ini tidak mempunyai apa-apa niat yang buruk. Teguran ini, saya kemukakan secara terus terang untuk satu tujuan sahaja iaitu untuk menjaga nama baik Dewan Rakyat ini. Saya berpendapat kita semua bertanggungjawab untuk menegakkan nama baik Dewan ini. Dan saya juga percaya dengan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, kita boleh membuat sesuatu untuk mencapai tujuan murni ini.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita bersama-sama mengikis sikap bersandiwara, sikap berkonfrontasi di Dewan ini. Marilah kita berusaha menjadikan Dewan ini, Dewan yang mulia, Dewan di mana kita membincangkan sesuatu isu secara serius dan rasional.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga, muka surat 32, Maksud Bekalan B.7, Jabatan Perdana

Menteri, Butiran 050000, Bahagian Hal Ehwal Islam.

Saya ingin menyentuh satu perkara yang kelihatan kecil iaitu ucapan "Assalamualaikum" oleh pembaca Berita di RTM. Dalam penyiaran TV Malaysia, Berita Nasional dimulakan dengan ucapan "Assalamualaikum" sekarang. Dan jika ada dua orang pembaca Berita, seorang Islam dan seorang bukan Islam maka pembaca Islam itu menggunakan perkataan "Assalamualaikum" dan pembaca bukan Islam itu "Salam Bahagia".

Kalau kedua-dua orang pembaca itu beragama Islam, cuma perkataan atau ucapan "Assalamualaikum" digunakan. Ini satu perkara yang agak mengelirukan para penonton bukan Islam dan beberapa soalan yang timbul ialah, adakah ucapan "Assalamualaikum" itu ditujukan kepada semua penonton tanpa mengira perbezaan agama? Soalan yang kedua ialah apakah sebab pembaca Berita bukan Islam itu menggunakan ucapan "Salam Bahagia" dan bukan "Assalamualaikum". Yang ketiga ialah bolehkah pembaca bukan Islam itu juga menggunakan perkataan "Assalamualaikum" kerana maksud perkataan itu ialah "Selamat Sejahtera ke atas mu".

Barangkali bagi setengah-setengah pihak, soalan-soalan tersebut agak remeh-temeh dan tidak perlu diambil perhatian yang berat tetapi pada pandangan saya dalam masyarakat kita yang berbilang kaum, berbilang agama, perkara demikian sebaiknya diberikannya penjelasan oleh pakar agama demi mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah faham.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya kemukakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang.

5.53 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, saya ingin turut membahaskan Anggaran Belanjawan dan saya ingin memulakan pertamanya, iaitu Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam, halaman 38, menyentuh Butiran 050000, Latihan dan Kemajuan Kerjaya.

Saya merasakan bahawa aspek latihan dan kerjaya merupakan satu aspek yang penting dan saya melihat peruntukan yang diberikan kepada Jabatan ini adalah satu peruntukan yang terbesar baik dalam aspek Mengurus ataupun Pembangunan.

Jadi, berbalik kepada soal latihan dan kerjaya pada hari ini kita dapati Jabatan Perkhidmatan Awam telah menaja begitu ramai pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar daripada A Level dan ke atas. Sekarang ini jumlah pelajar yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah sebanyak 33,085 orang yang boleh kita pecahkan kepada dua bahagian, iaitu pelajar-pelajar yang ditaja sehingga bulan September 1987 berjumlah 23,677 memakan belanja kira-kira \$142 juta manakala dalam bahagian luar negeri adalah seramai 9,408 orang dengan jumlah belanja iaitu \$474 juta. Angka 33,085 orang ini merupakan satu angka yang besar. Pelajar-pelajar ini ketika menuntut baik di dalam negeri mahupun di luar negeri mengambil masa yang agak lama—ada yang tiga tahun, 4 tahun, 5 tahun, 6 tahun bergantung kepada kursus-kursus yang diambil. Tetapi apabila mereka telah keluar daripada belajar ataupun telah selesai mendapatkan ijazah mereka maka timbullah persoalan terutamanya menyentuh situasi sekarang iaitu persoalan untuk mendapatkan kerja. Mereka yang ramai ini hendak dapatkan kerja tetapi kerja tidak ada. Bagaimana hendak dapat kerja. Ataupun juga mereka

mungkin ada kerja tetapi tidak mempunyai cukup kemahiran dan latihan.

Dalam soal ini Jabatan Perkhidmatan Awam telah mencari beberapa cara iaitu antaranya memberikan peluang-peluang latihan dan juga peluang-peluang kerjaya. Pada hari ini kita dapati mereka yang keluar ataupun mereka yang mendapat ijazah kira-kira 5,000 orang dalam masa setahun. Jadi, Jabatan Perkhidmatan Awam setelah menyedari tentang masalah pengangguran ini di kalangan siswazah-siswazah yang berijazah terutamanya langsung pihak Jabatan ini membuka satu skim iaitu yang dikenali dengan nama "Skim Latihan Khas". Skim Latihan Khas ini, pada hari ini hanya berkeupayaan untuk menampung kira-kira 300 orang daripada jumlah sebanyak 5,000 orang. Kalaulah kita buat peratusan, maka peratusannya adalah kecil iaitu berkeupayaan memberikan kursus dan latihan sebanyak kira-kira 1.7% sahaja. Angka ini kalau kita lihat dan kita tinjau ataupun kita dasarkan daripada jumlah yang sebenarnya sangatlah kecil dan tidak menyeluruh. Maka berdengki-dengkilah bagi pelajar-pelajar, bagi siswazah-siswazah yang tidak dapat menyertai kursus ini.

Kerajaan pula tidaklah mampu untuk memberikan kursus kepada 5,000 orang semua sekali ataupun tidaklah mampu kerana disebabkan kekurangan wang dan seumpamanya. Tetapi saya juga faham bahawa untuk menaja dan mengadakan latihan dan kerjaya, Kerajaan setakat ini telah memperuntukkan malah membelan jakan kira-kira \$ 17 juta setahun. Angka \$17 juta setahun ini adalah diperolehi dan dimanfaatkan oleh golongan siswazah pilihan sahaja iaitu pilihan daripada 5,000 orang itu sahaja. Maka saya kira ini adalah merugikan. Kalaulah 300 orang sahaja

yang dapat, yang bakinya 4,000 orang lebih tidak dapat, ini saya rasa akan menimbulkan satu masalah yang besar.

Angka ini menjadi besar disebabkan oleh pesertanya, jurulatihnya, penceramahnyanya, tempatnya, pengangkutannya dan latihan-latihan itu juga dibuat di dalam tahap-tahap yang tertentu, tahap satu, tahap dua, tahap tiga dan banyak lagi tahapnya sehingga dia pandai.

Saya menyanjungi usaha yang seperti ini. Tetapi saya melihat satu keadilan tidak berlaku, satu kecenderungan tidak berlaku di kalangan siswazah-siswazah itu sendiri. Jadi saya ingin mencadangkan satu perkara supaya siswazah-siswazah ini tidak marah, supaya keuntungan itu didapati oleh semua pihak. Maka saya mencadangkan supaya diadakan satu cara atau kaedah baru iaitu begini cadangan saya lebihkurang:

Kita adakan satu bentuk latihan bukan selepas mereka mendapat ijazah, tetapi ketika pelajar-pelajar ataupun mahasiswa/mahasiswi itu berada di dalam pusat pengajian mereka. Kita tahu dalam satu sesi iaitu satu tahun ada tiga semester—satu semester lebihkurang 3 bulan. Kalau kursus itu 3 tahun, dia belajar 9 bulan, kalau 4 tahun—12 bulan.

Contohnya, kalau dia belajar empat tahun di Universiti Kebangsaan Malaysia, ertinya dia cuti satu tahun. Apalah kiranya cuti yang sebanyak itu, masa yang tinggi itu kita peruntukkan untuk mengadakan skim latihan dan kerjaya. Maka ini menjimatkan masa, menjimatkan wang. Bagaimana dia boleh menjimatkan wang? Beginilah kita ambil contoh. Kita ada 7 universiti. Kita ambil purata sebuah universiti dia mempunyai satu Fakulti. Satu Fakulti daripada kebiasaan yang orang buat, biasanya mengambil masa yang tertentu dan juga mengambil wang

yang tidak banyak. Biasanya satu Fakulti mengadakan satu latihan, katakan latihan "Opkim" dia mengambil wang sejumlah \$12,000.

Kalau ada 8 fakulti di satu-satu universiti, $8 \times 12 = \$96,000$. Tidak usah ambillah \$96,000, kita tingkatkan sedikit menjadi \$100,000; \$100,000 untuk satu unwersiti. Ertinya, kalau kita ada 7 universiti kita hanya memerlukan wang kira-kira \$700,000 sahaja untuk satu-satu tahun. Jadi, kalau kita hendak bandingkan dengan jumlah yang kita buat sekarang, yang kita gunakan sekarang sebanyak \$17 juta adalah saya kira membazir, tidak menyeluruh dan memakan masa yang banyak. Kita membuat latihan semasa cuti semester. Jabatan Perkhidmatan Awam boleh mengenakan satu syarat, boleh mengenakan satu langkah bahawa masa cuti yang ada pada mereka boleh kita gunakan. Kalau tidak mahu tahun pertama, tahun kedua, kalau tidak mahu tahun kedua, tahun ketiga. Maka kalaulah ini yang kita buat, saya kira kaedah ini akan mengelakkan perbelanjaan yang besar. Selain daripada itu, mengelakkan polarisasi kaum, selain daripada itu mengelakkan politicking, selain daripada itu juga kita boleh memuaskan hati semua orang. Inilah saya kira satu cara yang penting dan perlu diambilkita oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam soal latihan dan kerjaya kepada pemegang-pemegang biasiswa mereka itu sendiri.

Perkara yang kedua yang saya hendak beri pandangan iaitu mengenai dengan Butiran 030000—Bahagian Perjawatan. Hari ini kalau kita hhat angka sebenarnya kata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, orang yang tidak dapat kerja sebanyak 185,080 orang, tetapi angka ini angka yang diminta sekarang. Sebenarnya angka yang diminta dan juga masa akan datang, angkanya ialah hampir-hampir satu juta, merupakan satu angka yang

besar dan memperlihatkan serta menyedarkan kita pada satu gambaran betapa perlunya dalam beberapa perkhidmatan diisikan dengan segera.

Semalam kita diberitahu bahawa keperluan perkhidmatan adalah begitu serius. Kumpulan A sahaja 22,289, Kumpulan B 13,169, Kumpulan C 61,810, Kumpulan D 87,812 orang dan lima Kementerian lain memerlukan juga 68,513 lagi jawatan-jawatan ini. Kita lihat terdapat kekosongan yang jelas dan telah diberitahu bahawa dalam bidang profesional dan teknikal terdapat keperluan yang sangat mendesak. Perkhidmatan Kesihatan 10,603, Penjara 1,494 Polis 7,166, Tentera 36,416 dan Pendidikan 12,834.

Kita tahu bahawa hari ini Kerajaan menjalankan satu dasar membekukan jawatan-jawatan ini disebabkan kemelesetan ekonomi yang dikaitkan dengan kurangnya belanja, kurangnya wang, tetapi kita juga mempersoalkan bahawa sekiranya permintaan ini besar maka kita tidak boleh lupakan.

Saya ambil contoh, undang-undang hari ini dalam bidang kehakiman, kita dapati kes-kes yang tidak boleh diselesaikan sebanyak 800,000. Kita tidak boleh menyelesaikannya, kerana kita tidak mempunyai kakitangan, kita tidak mempunyai hakim, kita tidak mempunyai yang lain-lain. Apakah masalah ini kita hendak selesaikan? Sudah barang tentu kita mesti selesaikan kerana ia menyentuh kerja yang lama, masa yang lebih kes-kes yang begitu banyak.

Begitu juga kalau kita bercakap tentang masalah kesihatan, kita dapati kakitangannya kurang sebanyak 10,000. Apakah kekurangan ini hendak kita biarkan kerana disebabkan oleh kebekuan oleh dasar. Sudah barang tentu kita tidak boleh membiarkannya kerana manusia beranak, manusia yang sihat akan menjadi kurang sihat, manusia yang

kurang sihat menjadi uzur, manusia yang uzur bertambah uzur, yang bertambah uzur akan nazak, yang nazak akan mati, yang mati akan bertambah mati. Semuanya ini memperlihatkan kepada kita bahawa dasar kita, masalah pembekuan mesti diambilkira.

Begitu juga dalam soal penjara. Hari ini kakitangan yang tidak cukup bukan sedikit, banyak seribu lebih. Sebab itulah ada masalah-masalah penjara dalam penjara, kes dalam kes, jenayah dalam jenayah. Semuanya memperlihatkan bahawa kekurangan kakitangan mengakibatkan berbagai masalah. Kita mungkin boleh bertolak ansur dari soal buruh, soal yang biasa, tetapi kita tidak boleh bertolak ansur dari segi profesionalnya, dari segi teknikalnya. Kekurangan pegawai-pegawai profesional, kekurangan pegawai teknikal boleh menyebabkan halangan-halangan yang kurang baik. Jadi, kita mintalah soal kekurangan kakitangan ini dipandang secara serius.

Kita tidak mahu membekukan jawatan ini semata-mata kerana alasan ekonomi. Kerana kita sedar dalam masalah ekonomi ini kita juga melihat perancangan-perancangan yang lain yang berkembang maju. Kita lihat juga perkembangan-perkembangan projek-projek yang besar-besar. Kita bukan menyetujui projek-projek yang besar-besar, tetapi kita juga turut mendakwa serta menuntut bahawa kepentingan-kepentingan awam adalah merupakan kepentingan-kepentingan utama. Malah kalau kita bercakap dalam metodologi dakwah, maka kita teringat berkatalah ahli-ahli Fekah bahawa kepentingan umum adalah merupakan kepentingan yang mengatasi semua. Saya hanya baru bercakap dalam bidang kesihatan, dalam bidang kehakiman, dalam bidang penjara sahaja. Kita tidak menyentuh banyak perkara yang lain kerana tidak ada masa.

Tuan Pengerusi, hari ini juga kita melihat bahawa dalam soal perkhidmatan ini ada pegawai PTA, ada pegawai PTD. Saya kira bagus, tetapi ikut penjajah, kerana apa, ada pegawai PTA tidak boleh pergi dalam PTD, aliran PTD tidak boleh pergi PTA, kelulusan sama, orang sama, wibawa sama. Maka kalau boleh, kita hapuslah PTA, PTD kerana kita hendak memberi peluang yang sama, kenaikan yang sama, kebolehan yang sama tunjuk peluang sama, bakat sama dan sebagainya biar sama. Kita hapuskan, kita gantilah sahaja Pegawai Tadbir Persekutuan ataupun Pegawai Tadbir di Jabatan Perkhidmatan Awam itu sendiri. Itu merupakan satu bab yang sangat penting untuk diberi penganalisan dan juga belah balik, kaji balik, post mortem balik.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang B.7 iaitu mengenai dengan Butiran 050000—Bahagian Hal Ehwal Islam.

Bila kita menyentuh tentang Bahagian Hal Ehwal Islam, maka kita teringat Institut Dakwah dan juga latihan. Hari ini pegawai-pegawai dakwah di yayasan ini merupakan satu angka yang besar. Saya kira lebih daripada 40, hampir 50, mungkin lebih daripada itu. Saya tidak mempunyai perangkaan yang tepat, tetapi hari ini kita banyak mempersoalkan soal-soal ini. Soal dakwah ini merupakan satu soal yang penting. Tetapi apabila perkembangan-perkembangan yang menyentuh tentang agama, kita melihat beberapa perkara tidak boleh diselesaikan, iaitu bagaimana setengah daripada pegawai dakwah sendiri yang tidak faham tentang dasar-dasar Kerajaan. Ada yang faham tidak mahu bertanggungjawab untuk campurtangan.

Misal kata pegawai dakwah itu bercakap tentang soal dakwah, bila orang tanya apa hukum ASN? Dia

tidak mahu jawab, itu bukan kerja saya, itu Kerajaan. Bagaimana dengan kisah Memali, itu bukan kerja saya, itu Datuk Seri Dr Mahathir punya. Bagaimana dua imam, itu bukan kita punya, itu Kerajaan Wan Mokhtar punya Negeri Terengganu. Seolah-olah dia melihat tanggungjawab dia itu adalah merupakan tanggungjawab yang terpisah-pisah, tanggungjawab yang tidak disatukan, seolah-olah dia melihat kerja dakwah itu adalah hendak suruh orang sembahyang, bang sahaja. Dia tidak melihat bentuk dakwah dalam bentuk ibadat yang lebih umum, tetapi hanya bercakap dalam bentuk yang khususiah. Maka inilah kita melihat bahawa tidak ada satu keterikatan.

Jarang sekali kita melihat pegawai-pegawai ini mahu duduk bersama-sama dengan Kerajaan. Jarang sekali kita melihat ketua-ketua yayasan dakwah di Jabatan Perdana Menteri ini untuk menjelaskan duduk bersama. Yang kita lihat ceramah-ceramah dakwah. Kita mahu melihat satu ikatan penyusunan dari segi program, dari segi rancangan yang tersusun bersama dengan kita. Kita tidak mahu soal dasar-dasar, soal yang ada pada Kerajaan itu hanya mampu diselesaikan oleh pegawai-pegawai, macam pegawai-pegawai yang ada daiam Dewan ini. Tetapi kita juga menuntut supaya pegawai-pegawai dakwah ini, guru-guru dakwah ini turut bersama-sama dengan Kerajaan memahami dasar, memahami cara dan juga kaedah yang hendak dijalankan oleh Kerajaan.

Kalaulah pegawai-pegawai dakwah ini menentang dasar-dasar maka lebih baiklah beritahu pada dia, kalau dia hendak kerja, kerjalah, kalau tidak, dia berhentilah, keluar, bagi orang lain kerja. Dan ini terjadi saya yakin dan saya mempunyai bukti yang cukup tetapi kita tidak mahu menghuraikan dalam masa yang singkat ini bahawa terdapat pegawai-pegawai ataupun

pendakwah-pendakwah ini yang tidak mahu bersama-sama dengan Kerajaan, baik dalam soal hukum, baik dalam soal dasar ataupun soal-soal yang lain. Ini kita merasakan sesuatu yang malang.

Kerajaan, saya beritahu, merupakan Kerajaan yang sangat bertanggungjawab. Baru-baru ini sebagai contohnya, Bahagian Jabatan ini iaitu Bahagian Hal Ehwal Islam ini, Kerajaan telah mengadakan satu penyusunan baru di mana sebanyak leblhkurang 14 orang telah dinaikkan pangkat, pegawai tadbirnya, orang dakwahnya, macam-macamlah di Bahagian Agama ini iaitu masuk ke Superscale G, F dan lain-lainnya. Ini satu perkara yang baik, satu bukti bahawa Kerajaan mengiktiraf pegawai tadbir di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam hari ini. Tetapi Kerajaan juga dipersoalkan hari ini—pegawai-pegawai penerangan, pegawai KEMAS yang bekerja juga dengan Kerajaan ini tidak ada pun sampai lebih daripada 5 orang dalam Malaysia ini yang diiktiraf pada Superscale G, termasuklah ketua-ketua penerangan di negeri-negeri—kalau k;man itu, kananlah, tidak diiktiraf.

Saya bukan hendak kata ataupun hendak timbulkan satu suasana dengki dan sebagainya antara penerangan dengan Jabatan ini sendiri, tetapi kita hendak beritahu bahawa pengiktirafan itu wujud dan ada dan kita mahu beritahu juga kalaulah pegawai-pegawai itu telah diiktiraf, telah diberi kepercayaan maka mintalah supaya perjalanan dasar-dasar negara terutamanya akan disokong sama, akan diberikan sama sokongan-sokongannya, samalah juga dengan peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai ataupun Pengarah-pengarah Penerangan Negen ataupun Pengarah-pengarah KEMAS Negeri.

Hari ini kalau kita buat perbandingan dari segi sokongan dasar

Kerajaan, maka nyata dan terbukti sekali bahawa peranan Pengarah-pengarah Penerangan, peranan Pengarah-pengarah KEMAS Negeri jauh lebih baik dalam soal-soal dasar jika dibandingkan dengan peranan pegawai-pegawai tadbir dan dakwah di Bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri itu sendiri. Saya tidak mahu membuktikan kerana semua orang-orang yang saya sebutkan dengan cara begini merasa apa yang mereka lakukan. Jadi perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Sila gulung.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dan yang terakhir sekali saya ingin menyentuh tentang B.1 iaitu mengenai dengan Parlimen.

Hari ini banyaklah pandangan-pandangan yang diberi tetapi bagi saya, saya merasakan pentadbiran dan perjalanan Parlimen adalah satu perjalanan yang sangat baik, yang sangat memuaskan dan peruntukan yang diberikan kepada Parlimen hari ini, saya merasakan perlulah ditingkatkan lagi, kerana Parlimen hari ini kita lihat perlulah dibaiki terutamanya kerana adanya lawatan-lawatan daripada kanak-kanak sekolah, daripada orang ramai dan sebagainya. Mereka juga hendak selain daripada masuk ke dalam Dewan ini, duduk di atas itu, duduk di kiri, di kanan, mereka juga hendak pusing-pusing. Kita tengok hari ini, mereka tengok rusa sahaja, jadi perlulah ditambah peruntukan buat Taman Burung atau apa-apa dan sebagainya. Ini satu yang baik ataupun dimasukkan banyak ukiran, buat cantik-cantik Parlimen ini, kerana Parlimen ini merupakan satu tempat

yang tinggi, yang bagus, yang baik, bukan Rest House, tetapi Parlimen, tempat yang tinggi, yang bagus. Dan kita lihat pula perjalanan Speaker-speaker pun semua best-best, bagus-bagus, baik-baik semua, jadi tidak ada sebab kita tidak boleh tambahkan peruntukan.

Begitu juga kalau kita lihat komen daripada DAP, apalah bercakap tentang masa, tentang koram, kemudian ada pula yang bercakap songsang, tentang keahlian. Itu bukan tugas Parlimen, itu sama-sama ahli-ahli, dia tidak mahu datang bukan tugas Parlimen, tugas sama-sama dia, parti dia dan sebagainya. Begitu juga tentang masa tidak cukuplah, mengada-ngada! Kalau orang beri—cabut. Tengok DAP ada berapa orang, tinggal 2 orang sahaja! Jadi saya menyokong penuhlah supaya peruntukan Parlimen ini ditambahkan dan saya nampak peruntukan-peruntukan yang diberikan itu sedikit. Memanglah mungkin pihak-pihak anggota ataupun pegawai tadbir di Parlimen ini tidak minta tetapi kita melihat banyaklah perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan untuk mencantik, mengindah dan membesarkan kawasan Parlimen ini, malah saya sendiri beranggapan sebelum bangunan lain dibuat di luar Parlimen ini, perlulah kita ambil tanah ini dijadikan tanah Parlimen supaya lebih luas dan lebih besar lagi.

Saya rasa itu sahaja, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau.

6.15 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan dalam dua tiga perkataan ini yang pertamanya saya menyokong Yang Berhormat dari Marang berhubung dengan perkara-perkara mengenai pegawai-pegawai dakwah

dan juga pegawai-pegawai dalam penerangan. Jadi, dengan dua tiga perkataan ini saya menyokong ucapan 20 minitnya.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak menyentuh Maksud B.I, Parlimen Malaysia.

Saya rasa semua Ahli Parlimen berminat bercakap mengenai perkara ini dan semua sekali bersetuju pada dasarnya bahawa Dewan ini Dewan yang mulia dan patutlah Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap sebagai statusnya "Ahli Yang Berhormat" dengan bahasa yang betul dan daripada Dewan inilah wujud perpaduan dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana semua berminat, saya berpendapat bahawa semua ikhlas untuk menjadikan Parlimen ini sebagai tempat yang sewajarnya kita berbincang dengan betul, tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum semuanya memberi syarat. Syaratnya ialah syarat daripada diri mereka sendiri.

Ada kawan saya dalam Barisan Nasional sendiri juga bercakap fasal Parlimen memberi syaratnya sendiri. Di antara syaratnya sendiri—tetapi saya tidak marahlah, sebab dia baru sahaja menjadi Ahli Parlimen—bahawa Parlimen ini tempat bersandiwara dan sebagainya. Saya kesallah kepada rakan saya tersebut yang menyebut perkara ini, kerana dia tidak mengetahui tentang kedudukan Parlimen bagi penggal-penggal yang lepas.

Dia sepatutnya membaca banyak *Hansard* dan juga laporan-laporan yang lepas dan melihat sendiri kedudukan apa yang telah kita bincang, sebab perkataan "sandiwara" ini ialah perkataan bahasa, bahasa menggambarkan identiti seseorang. Macam Wakil dari Kuching, dia tidak tahu bercakap bahasa yang lebih indah daripada yang ada sekarang. Kita

harus beri peluang kepada dia untuk bercakap dengan bahasa tersebut walaupun bahasa tersebut bahasa "hendak makan orang", dan saya dengan pelat Utara saya, saya tidak boleh ubah lagi, sebab saya sudah berumur ini, tidak boleh ubah lagi. Kalau sekiranya saya anak-anak kecil, boleh saya ubah jadi pelat Kuala Lumpur supaya semua orang faham. Demikian juga pelat daripada Pengkalan Chepa, susah kita hendak ubah. Jadi dalam bentuk berbagai-bagai pelat dan bahasa ini terjadilah sandiwara.

Sandiwara ini, saya rasa merupakan satu nikmat kita untuk berbincang dengan terus, yang penting matlamat kita tercapai. Jadi kepada rakan saya tersebut, janganlah menggunakan bahasa tersebut dan janganlah menggunakan perkataan-perkataan yang boleh merendahkan Ahli-ahli Parlimen yang lain, sebab segala percakapan kita dicatat oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Lebih-lebih lagi yang bercakap ini mempunyai kelulusan yang tinggi, mempunyai "Doctorate", jadi saya tidak sangkalah keluar daripada rakan saya sendiri. Saya terpaksa tegur, sebab dia baru masuk dalam Parlimen yang baru ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, mula-mula sekali.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa cakap-cakap daripada Yang Berhormat dari Gopeng itu pada penglihatan dan juga pendengaran kata kasar seolah-olah berperanan sebagai pengaman suasana dan juga penyeru kepada kebaikan tetapi

disebaliknya itu adalah pemecahbelah dan juga mempunyai pandangan-pandangan yang sinis serta menghuruharkan Parlimen. Adakah Yang Berhormat sedar?

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebenarnya saya sedar dan Yang Berhormat pun saya rasa setuju dengan saya, sebab sebelum masuk tadi pun kita telah berbincang bahawa kadang-kadang orang bercakap fasal perpaduan tetapi dalam secara yang halus dia cuba menggunakan bahasa yang tinggi dan halus sehingga orang tidak dapat kesan, tetapi sebagai Ahli Parlimen ini walaupun baru satu penggal, bagi yang berpengalaman

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bangun pula, saya setuju.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat dari Arau, jadi kalau sekiranya Yang Berhormat dari Gopeng macam ini, apakah tindakan dan langkah yang patut kita kenakan kepada dia ini?

Tuan Pengerusi: Saya minta bercakap benda yang lain. Yang Berhormat dari Arau cakap perkara-perkara yang lain pula, tidak patut dipanjang-panjangkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, tidak patut dipanjangkan dan saya cuma beri nasihat kepada rakan saya disebabkan kawan saya yang lain sudah bersetuju dengan saya, cuma dia seorang lagi yang perlu menyesuaikan diri dengan keadaan.

Di bawah tajuk 010000 Urusan Parlimen dan juga di bawah Program dan Aktiviti 010100 Pentadbiran Am dan 010200 Pengurusan dan Pentadbiran Dewan Parlimen. Jadi

seperti kawan saya, Tuan Pengerusi, saya amat berpuas hati tentang kedudukan Parlimen terutamanya bila Parlimen ini dari segi pentadbirannya diketuai oleh Tuan Speaker Dewan Rakyat yang juga sekarang menjadi Tuan Pengerusi di Dewan ini. *(Tepuk)* Saya rasa kita sebagai Ahli-ahli Parlimen, orang kata dapat keistimewaan-keistimewaan yang sewajarnya untuk membolehkan kita bertindak sebagai Ahli Parlimen. Demikian juga pelawat-pelawat yang hadir dan juga pegawai-pegawai Kerajaan yang datang ke sini dapat juga menggunakan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya untuk membolehkan Parlimen ini berfungsi sebenarnya sebagai Parlimen.

Kita lihat banyak perubahan-perubahan telah dibuat di luar sana hasil usaha yang baik daripada Tuan Pengerusi ataupun sebagai Speaker Dewan Rakyat. Saya bukan memuji, saya selalu menegur, tetapi kali ini saya lihat perkara itu memang tepatnya berlaku. Tetapi ada satu, Tuan Pengerusi, yang saya ingin tegur. Saya telah bercakap dalam sidang yang lepas mengenai Parlimen, saya hendak bercakap sekali lagi iaitu saya mencadangkan dalam Belanjawan yang lepas, tahun ini juga, supaya Parlimen ini dilengkapi dengan alat-alat komputer dan juga alat elektronik untuk memudahkan Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai Kerajaan, pelawat-pelawat untuk mengesan dan juga menentukan bahawa sesiapa yang bercakap itu kita dapat menentukan. Contohnya, pegawai-pegawai Kerajaan yang berada di luar, dia dapat meneka siapa yang bercakap, kalau ada alat elektronik yang menunjukkan siapa yang bercakap. Kami yang duduk di kantin sana juga tidak dapat meneka. Ini kita cuma agak-agak, pakai bahasa. Kadang-kadang bahasa itu boleh bertukar. Ada orang hari ini berpelat Ketantan, besok sudah jadi pelat utara, kita tidak

dapat mengenal. Itu sebab kadang-kadang Dewan tidak cukup kurum sebab kita tidak dapat menentukan siapa yang bercakap.

Kalau sekiranya Ahli-ahli Barisan yang bercakap, sebenarnya kita penuh Dewan. Tetapi kita tidak pergi mana-mana, kita ada di sekeliling Dewan ini juga, cuma dengan menempatkan alat-alat elektronik ini, kita dapat memudahkan semua pihak dan kadang-kadang ada salah seorang daripada Tuan Pengerusi, bukan Tuan Pengerusi ini, yang susah hendak cam siapa yang bercakap, dia teragak-agak, terpaksa melihat dahulu siapa yang hendak bercakap, oleh kerana tidak ada panduan di depan sana menentukan siapa yang bercakap.

Tuan Pengerusi, walaupun Parlimen kita lihat telah menunjukkan contoh yang baik dari segi pentadbiran dan sebagainya dan walaupun peruntukan telah dikurangkan daripada \$14,630,000 dalam tahun 1987 kepada hanya \$13,997,000 tetapi saya harap perkara-perkara ini dapat diambil tindakan. Sediakan juga alat-alat yang boleh menggerakkan Ahli-ahli Parlimen yang mungkin terdengkur sekejap oleh kerana berada di bilik yang sejuk dan sebagainya. Harapan saya.

Tuan Pengerusi: Alat-alat apa itu Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Alat yang boleh menggerakkan
(*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Alat hendak geletak dia? (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Geletek? Macam itulah, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Kadang-kadang kita tihat ada kawan-kawan kita yang terdengkur. Kalau kita hendak tegur, nanti dia kecil hati. Jadi biarlah ada alat lain

yang boleh menggerakkan dia (*Ketawa*). Saya harap cadangan saya ini dapat diambil tindakan dan saya harap saya tidak digam untuk memberi peluang untuk soalan tambahan tentang cadangan saya ini.

Yang keduanya, seperti juga kawan-kawan yang lain, iaitu berhubung dengan kedudukan Ahli-ahli Dewan. Yang pertamanya, saya hendak menyebut fasal berita. Saya menonton TV semalam, saya lihat ada satu berita yang ditanya pendapat orang Sabah mengenai perpaduan. Ada seorang peniaga, dia berkata, "kita orang-orang bawah ini ikut sahaja. Orang-orang politik mesti ada sikap terbuka, mesti ada usaha untuk perpaduan. Yang membawa perpaduan adalah orang politik dan yang membawa kekacauan adalah juga orang politik. Ini seorang peniaga di Sabah, dia memberi pendapat. Apabila dia sebut sahaja pendapat ini, saya teringat DAP dan PAS. Ini ikhlas betul.

Saya kesal, saya terpaksa sebut, kerana perkara ini penting untuk kita sama-sama.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, wakil Bandar Kuching bangun.

Tuan Shahidan dan Kassim: Sila, sita.

Tuan Sim Kwang Yang: Bukan DAP dan PAS sahaja, tetapi di antara MCA dan UMNO back-benchers selalu bergaduh. Kalau UMNO, MCA tidak dapat bersatupadu, bagaimana Barisan Nasional ini boleh menyatupadukan semua golongan di Malaysia ini? (*Tepuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Betul. Soalan dia cukup bagus. Saya memang hendak tunggu dia bertanya. (*Ketawa*) Sebenarnya MCA dan UMNO ini umpama dua suami isteri. DAP dan PAS ini dia kadang-kadang suka

kacau. Jadi timbul cemburu, kadang-kadang orang datang mengorat isteri kita. Kita kadang-kadang naik cemburu. Perangai DAP dan PAS begitulah. Dia buat supaya kita cemburu mencemburui, mereka tidak apa-apa. Ada satu ketika dahulu, MCA dan juga UMNO terpaksa menjadi pembangkang dan penyokong Kerajaan dalam Dewan ini, DAP duduk diam. Malah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Silakan, silakan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingin penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Arau sedar bahawa Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Yang Berhormat dari Kepong selaiu bergaduh dalam DAP. Adakah sedar? Itu lagi teruk sama-sama sendiri.

Tuan Shahidan bin Kassim: DAP sama DAP ini memang gila kuasa. Jadi sama-sama dia pun memang bergaduh. (Ketawa)

Tuan Sim Kwang Yang: DAP tidak gila kuasa oleh kerana DAP tidak mempunyai apa-apa kuasa pun. Tetapi kita semua tahu UMNO mahu Yang Berhormat Menteri Buruh, iaitu Timbalan Presiden MCA untuk meletak jawatannya, walaupun dia sudah lari, bercuti bila dia menghadapi bahaya kemungkinan dia ditangkap. Walaupun demikian, tetapi satu hakikat masih wujud, iaitu UMNO tidak dapat lihat dia, dan mukanya pun tidak nampak, tidak tahan mesti serang sahaja. Ini bukti yang jelas bahawa Barisan Nasional sudah pecah dan tidak menikmatinya keyakinan di antara semua pengundi-pengundinya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau, saya ingat, bercakap perkara lain pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bercakap perkara lain pula? Tetapi saya hendak jawab sedikit, sebab ada orang bertanya, jadi tidak hormat pula.

Tuan Pengerusi: Sedikit sudah, jangan panjang-panjang sangat. Jika kita bercakap perkara itu, dia boleh jadi melarat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Hendak kena jawab sedikit. Demikian juga dengan Menteri Buruh, dia macam dua suami isteri. DAP pergi kacau dia, jadi timbul sikap cemburu kepada kami. Perkara suami isteri ini tidak akan berpanjangan, perkara dalam keluarga, kita boleh rujuk balik, tetapi DAP punya gila kuasa teruk, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Sim Kwang Yang: (Bangun)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya akan cakap atas tajuk lain pula. (Ketawa)

Tuan Pengerusi: Ya, baiklah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan kawan-kawan saya, Ahli dari Gopeng pun saya bersetuju, dia baru datang tadi. (Ketawa). Saya bersetuju bahawa Parlimen ini sebagai Parlimen yang mulia dan yang bercakap ini Yang Berhormat yang menontonya itu kadang-kadang kanak-kanak sekolah, kadang-kadang orang dewasa dan sebagainya. Mereka ini kadang-kadang tidak faham. Kita bertengkar dan juga berbahas di sini bahawa untuk satu-satu tujuan dan kadang-kadang apa yang kita bahaskan itu memang sebelumnya pun kita sudah bahas, kadang-kadang mereka sekali imbas datang ke Parlimen ini, bila mereka balik mereka telah

mempunyai perasaan yang lain, ada yang kita berbincang fasal perkauman, mereka pulang sudah jadi sifat perkauman dan sebagainya. Sampailah masanya, oieh kerana semua pihak menyeru, DAP pun menyeru, Barisan Nasional pun menyeru, sampai masa iaitu mulai daripada besok, kita akan bincangkan mengenai Kementerian Kehakiman supaya kita mengubah cara, bercakap dengan bahasa walaupun kasar, walaupun macam hendak makan orang, tetapi biarlah dengan bahasa yang terhormat sedikit. Wujudkan keadaan di mana kita tidak menggunakan bahasa-bahasa yang unparliamentary, dengan izin. Kalau sekiranya mereka tidak provoke, dengan izin, saya dengan kawan-kawan yang belakang ini tidak akan kacau, sebab kami sebagai orang yang sentiasa menenangkan keadaan, mengamankan keadaan, kami terpaksa mengamankan keadaan dengan bahasa yang sama. Orang ketuk belakang, kami ketuk belakang baliklah. Jadi itulah sifat kami, Tuan Pengerusi.

Keduanya, saya hendak sebut Maksud B.3—Jabatan Audit. Ini saya hendak bertanya, sebab saya hairan, saya lihat di sini di bawah Butiran 010000—Badan-badan Berkanun telah dikurangkan daripada \$6,407,800 kepada \$3,820,000. Padahal di bawah Butiran 030000 Auditan Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah dinaikkan daripada \$11 juta kepada \$16 juta.

Tuan Pengerusi, yang saya tidak faham di sini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingat sambung besoklah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh.

Majlis Mesyuarat bersidang semula,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.